



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
***STATUS KELESTARIAN BAHASA MINORITI KENTAQ***

**NOOR SAADAH BINTI SALLEH**

**FBMK 2018 41**



**STATUS KELESTARIAN BAHASA MINORITI KENTAQ**

Oleh

**NOOR SAADAH BINTI SALLEH**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2017**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## STATUS KELESTARIAN BAHASA MINORITI KENTAQ

Oleh

**NOOR SAADAH BINTI SALLEH**

November 2017

**Pengerusi: Profesor Madya Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**  
**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Isu berkaitan kepupusan bahasa minoriti merupakan perkara yang sangat membimbangkan dan perlu dikawal dengan sebaiknya. Bahasa Kentaq yang dipertuturkan oleh orang Asli Kentaq juga tidak terkecuali dari permasalahan ini. Dengan jumlah penutur seramai 212 orang sahaja (JAKOA Perak, 2015). Bahasa ini secara dasar mempunyai potensi kepupusan kerana memiliki jumlah penutur yang begitu kecil sekali. Berdasarkan hakikat ini, pengkaji akan menjelaskan dan merumuskan status bahasa ini dengan membuat penelitian terhadap aspek linguistik dan pilihan bahasa masyarakat. Pengkaji telah menggunakan pendekatan sosiolinguistik bagi menjawab objektif kajian iaitu menjelaskan hubungan linguistik antara bahasa Kentaq dengan bahasa Melayu, menghuraikan tipologi keterancaman Bahasa Kentaq dan merumuskan kelestarian bahasa Kentaq berdasarkan domain penggunaan bahasa. Kerangka teori yang digunakan bagi mendukung kajian ini adalah melibatkan analisis linguistik kontak, Model Teorikal Kematian Bahasa Sasse (1992) dan Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992) serta Teori Fishman (1991) dan Tahap Keterancaman Bahasa Berdasarkan Kehilangan Domain menurut Berzinger et al. (2003). Sampel kajian adalah melibatkan 61 orang responden yang berumur antara 6 hingga 70 tahun yang telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan dan bola salji.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapat pengembangan bahasa yang wujud akibat daripada kontak bahasa. Berdasarkan data bahasa yang dianalisis menerusi senarai *Swadesh* telah menunjukkan bahawa bahasa Kentaq mula menerima serapan daripada bahasa Melayu dan mula berevolusi. Berdasarkan analisis ciri tipologi keterancaman bahasa Edward (1992) keadaan ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Kentaq ini masih mampu bertahan dan terus lestari kerana masih menjadi bahasa utama dalam kalangan masyarakatnya. Seterusnya berdasarkan Teori Fishman (1991) dan Tahap Keterancaman Bahasa Berdasarkan Domain menurut Brenzinger et al. (2003) telah menunjukkan bahawa status bahasa Kentaq masih lestari kerana bahasa ini berada pada Gred 4 iaitu kesetaraan multilingual di mana bahasa ini masih digunakan dalam kebanyakan fungsi domain sosial.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## KENTAQ MINORITY PRESERVATION STATUS

By

**NOOR SAADAH BINTI SALLEH**

**November 2017**

**Chair: Assoc. Prof. Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**  
**Faculty: Modern Language and Communication**

The issue of extinction of minority languages is a matter of concern and needs to be controlled preferably. The Kentaq language spoken by Native Kentaq is also not an exception to this problem. With total speakers of 212 (JAKOA Perak, 2015) this language basically had the potential for extinction because it has quite a small number of speakers. Based on this fact, researchers are trying to justify and formulate the status of this language by researching the linguistic aspects and the choice of language. The researchers have used sociolinguistic approaches to answer the objective of the study that is to explain the linguistic relationship between Kentaq language and Malay language, expounding the typology of Kentaq Language and formulate Kentaq language preservation based on the language of domain usage. Theoretical framework that has been used to support this study involved the analysis of contact linguistics, the Sociological Model of Death of Sasse Language (1992) and Edwardian Minority Language Typology Framework (1992) and Fishman Theory (1991) and Stress Based Language Loss by Brezinger et al. (2003). The sample of the study involved 61 respondents aged between 06 and 70 years old who were chosen based on the purposive of sampling method and snowballs.

The results of this study indicate that there is a development of language that exists as a result of language contact. Based on the language data analyzed through the Swadesh list, it has shown that the Kentaq language began to absorb absorption from Malay and began to progress. Based on the analysis of the typology of Edward (1992), this situation clearly shows that the Kentaq language is still able to survive and continue to sustain, as it is still the main language among its people. Next is based on Fishman Theory (1991) and Language Based Threshold Levels by Brezinger et al. (2003) has shown that the status of the Kentaq language is still sustainable because the language is at Grade 4 of multilingual equivalence where the language is still used in most social domain functions

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya tesis ini berjaya disempurnakan . Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Sharifudin bin Yusop, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang sangat membantu dan tekun memberi bimbingan sepanjang tesis ini dihasilkan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, Profesor Madya Dr. Raja Masittah Bt Raja Ariffin dan Dr. Hasnah Bt Mohamad yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar dalam melengkapkan tesis ini. Semoga Allah membalas jasa kalian.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) khususnya JAKOA Grik yang telah memberi keizinan dan membantu sepanjang kajian dilakukan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih diucapkan kepada Batin Halipon Bin Saad Ketua masyarakat orang Asli Kintak yang sangat membantu dan memudahkan urusan sepanjang proses kutipan data dilakukan.

Buat suami tercinta Zulkifri b. Che Leh, terima kasih atas pengorbanan dan sokongan. Kepada bonda tersayang Azizah Binti Saad, terima kasih atas doa dan kata-kata semangat yang diberikan. Tidak dilupakan Allahyarham ayahanda, Salleh bin Mohamad yang sentiasa dikenang jasa dan nasihat beliau untuk diri ini terus mencapai cita-cita. Kepada adik-beradik tersayang, Noor Amani Salleh, Mohd Fauzi Salleh, Mohammad Zulkifli Salleh dan Nur syuhada Salleh terima kasih atas semangat dan kasih sayang kalian. Seterusnya semua saudara dan sahabat yang telah membantu dan memberi kata-kata semangat untuk tesis ini diselesaikan. Semoga kalian semua sentiasa dalam rahmatNya dan sentiasa dalam keberkatan.

Akhir kata, sesungguhnya semua kebaikan itu milik Allah dan segala kekurangan dan kelemahan adalah dari diri pengkaji. Semoga tesis ini memberi manfaat kepada semua para pembaca dan pengkaji akan datang.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 23 November 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Noor Saadah Binti Salleh bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Status Kelestarian Bahasa Minor iti Kentaq” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahasa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ahmad Mahmood b. Musanif, PhD**

Profesor Madya  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Dato’ Teo Kok Seong, PhD**

Profesor  
Institut Kajian Etnik  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Selangor  
(Pemeriksa Luar)

---

**RUSLI HAJI ABDULLAH**  
**Profesor dan** Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian adalah seperti berikut:

**Mohd Sharifudin Yusop, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Raja Masittah Raja Ariffin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

**Hasnah bt Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS , PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



### Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Kajian) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Kajian dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Kajian) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Kajian) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Noor Saadah Binti Salleh, GS32786

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- kajian dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya. Dr. Mohd Sharifudin Bin Yusop

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr.Hasnah bt Mohamad

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSRTAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Soalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Definisi Operasional	8
1.7.1 Status	8
1.7.2 Bahasa Minoriti	8
1.7.3 Bahasa Kentaq	8
1.7.4 Kelestarian Bahasa	9
1.7.5 Sosiolinguistik	9
1.8 Masyarakat Orang Asli di Malaysia	11
1.8.1 Bahasa Orang Asli di Malaysia	18
1.8.2 Klasifikasi Masyarakat Orang Asli di Malaysia	20
1.9 Orang Asli Kentaq di Pengkalan Hulu Perak	23
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>30</b>
2.1 Pendahuluan	30
2.2 Sejarah Ringkas Kajian Mengenai Orang Asli	30
2.3 Kajian Berkaitan Masyarakat Orang Asli Kentaq	33
2.4 Kepupusan dan Kelestarian Bahasa Minoriti	34
2.5 Kajian Melibatkan Kontak Linguistik	37
2.5.1 Kajian Kebahasaan yang Melibatkan Aspek Leksikal dan Fonologi	37
2.5.2 Kajian Berkaitan Sikap dan Pemilihan Bahasa	39
2.6 Perkaitan Kajian Lepas dengan Kajian ini	43
2.7 Kesimpulan	45
<b>3 METODOLOGI</b>	<b>46</b>
3.1 Pendahuluan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.3 Kerangka Teori	47

3.3.1	Linguistik Kontak	47
3.3.2	Model Teorikal Kematian Bahasa Sasse (1992) dan Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)	48
3.3.3	Teori Doamain Fishman (1991) dan Tahap Keterancaman Bahasa Berdasarkan Kehilnagn Domain oleh Brezinger et al (2003)	50
3.4	Kaedah Kajian	53
3.4.1	Kaedah Soal Selidik	53
3.4.2	Kaedah Temu Bual	54
3.4.3	Kaedah Lafaz Sebut	54
3.4.4	Kaedah Pemerhatian	55
3.5	Lokasi Kajian	52
3.6	Populasi dan Persampelan	56
3.7	Alat Kajian	57
3.7.1	Soal Selidik	58
3.7.2	Alat Perakam	59
3.8	Tatacara Kajian	59
3.9	Penganalisan Data	60
3.10	Kerangka Konsepsi	62
3.11	Kesimpulan	63
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>64</b>
4.1	Pendahuluan	64
4.2	Hubungan Linguistik Antara Bahasa Kentaq Dengan Bahasa Melayu	64
4.2.1	Hubungan Fonologi	66
4.2.2	Hubungan Leksikal	74
4.3	Tipologi Keterancaman Bahasa Kentaq	83
4.3.1	Jantina	86
4.3.2	Umur	89
4.3.3	Tempat Kelahiran	92
4.3.4	Keturunan bapa dan ibu	94
4.3.5	Pendidikan	96
4.3.6	Pekerjaan	99
4.3.7	Agama	100
4.3.8	Taraf Perkahwinan	103
4.3.9	Bahasa Utama di Rumah	104
4.3.10	Kebolehan Berbahasa	105
4.4	Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq Berdasarkan Domain Penggunaan Bahasa.	106
4.4.1	Domain Kekeluargaan	107
4.4.2	Domain Kejiranan	117
4.4.3	Domain Kemasyarakatan	118
4.4.4	Domain Keagamaan	119
4.4.5	Domain Pendidikan	120
4.4.6	Domain Ekonomi	122
4.4.7	Domain Perkhidmatan	123
4.5	Kesimpulan	128

<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	129
5.1	Rumusan	129
	5.1.1 Hubungan Bahasa	129
	5.1.2 Pilihan Bahasa dan Demografi	130
5.2	Cadangan	131

	<b>BIBLIOGRAFI</b>	132
--	--------------------	-----

	<b>LAMPIRAN</b>	139
--	-----------------	-----

	<b>BIODATA PELAJAR</b>	166
--	------------------------	-----

	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	167
--	---------------------------	-----



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Kaum dan Negeri bagi Tahun 2010	3
1.8.1	Perincian Kumpulan Orang Asli Di Malaysia	13
1.8.2	Taburan Suku Orang Asli di Malaysia	15
1.8.3	Bandingan Bahasa	19
1.8.4	Tingkat Keperabatan	20
1.9.1	Contoh Persamaan Bahasa	28
3.3.1	Model Teoritikai Kematian Bahasa Sasse (1992)	49
3.3.2	Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)	49
3.3.3	Kehilangan Domain Penggunaan Bahasa Sedia Ada	52
3.6.1	Peringkat Umur Responden	57
3.9.1	Lambang-lambang Asal International Alphabet (IPA)	61
4.2.1	Contoh Pilihan Bahasa Bagi Orang Asli Kentaq dalam Doamain Pendidikan	65
4.2.2	Taburan Vokal BK	68
4.2.3	Kedudukan Konsonan BK	69
4.2.4	Taburan Konsonan Letupan Tidak Bersuara BK	70
4.2.5	Taburan Konsonan Bersuara BK	70
4.2.6	Taburan Konsonan Afrikat	70
4.2.7	Konsonan Nasal	71
4.2.8	Taburan Konsonan Frikatif	71
4.2.9	Taburan Konsonan Getaran	71
4.2.10	Taburan Konsonan Literal	72
4.2.11	Taburan Konsonan Separuh Vokal	72
4.2.12	Kehadiran Diftong BK	72
4.2.13	Rangkap Vokal BK	73
4.2.14	Senarai Swadesh Bahasa Melayu- Bahasa Kentaq (kognat)	74
4.2.15	Contoh Perbandingan Kosa Kata Berkognat	79
4.2.16	Angka	82
4.2.16	Alat Tulis	82
4.3.1	Ciri Demografi Responden	84
4.3.2	Jantina Responden	86
4.3.3	Senarai Bertema Bahagian Tubuh Badan	88
4.3.4	Umur Responden	89
4.3.5	Tahap Pendidikan Responden Berumur 12-19 tahun	91
4.3.6	Bilangan Responden Yang Pernah Tinggak di Luar dan Tidak Pernah Tinggal di Luar	93
4.3.7	Katurunan Bapa dan Ibu	94
4.3.8	Tahap Pendidikan Responden	97
4.3.9	Pekerjaan	99

4.3.10	Agama	101
4.3.11	Taraf Perkahwinan	103
4.3.12	Kebolehan Berbahasa	105
4.4.1	Pemilihan Bahasa Orang Asli Kintak Dalam Domain Kekeluargaan	108
4.4.2	Bahasa Utama di Rumah	110
4.4.3	Perbandingan bahasa Kentaq, Kensiu dan Jahai	111
4.4.4	Istilah Bagi Mertua dan Ipar	113
4.4.5	Domain Kejiranan	117
4.4.6	Domain Aktiviti Kemasyarakatan	118
4.4.7	Domain Keagamaan	119
4.4.8	Domain Pendidikan	120
4.4.9	Tahap Pendidikan Orang Kentaq	121
4.4.10	Domain Ekonomi	122
4.4.11	Domain Perkhidmatan	123
4.4.12	Tahap Keterancaman Bahasa Berdasarkan Kehilangan Domain Sedua Ada	124
5.1.1	Contoh Kosa Kata Berkognat	127

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.8.1	Taburan penduduk Orang Asli mengikut suku (JHEOA,1990)	14
1.8.2	Penggolongan Bahasa Orang Asli Menurut Benjamin	19
1.9.1	Gambar Remaja Orang Asli Kentaq	25
1.9.2	Carta Organisasi Etnik Orang Asli Kentaq	27
1.9.3	Pengelompokan Bahasa Kintak	29
3.4.1	Kaedah Pengumpulan Data Bahasa Kentaq	53
3.5.1	Peta Kampung Bukit Asu	56
3.10.1	Kerangka Konsepsi	62
4.2.1	Kedudukan Fonem Vokal Bahasa Kintak	67
4.2.2	Kedudukan Fonem Vokal Bahasa Melayu	68
4.3.1	Carta Peratusan Sampel Kajian	84
4.3.2	Carta Peratusan Jantina Responden	87
4.3.3	Carta Peratusan Umur Responden	90
4.3.4	Carta Peratusan Tempat Lahir Responden	92
4.3.5	Carta Peratusan Keturunan Bapa Responden	94
4.3.6	Carta Peratusan Keturunan Ibu Responden	94
4.3.7	Carta Peratusan Tahap Pendidikan Responden	97
4.3.8	Carta Peratusan Penggunaan Bahasa Utama di Rumah	104
4.4.1	Berkomunikasi Dengan Ipar	112
4.4.2	Berkomunikasi dengan mertua	112
4.4.3	Berkomunikasi dengan Besan	113
4.4.4	Berkomunikasi dengan Boras	113
4.4.5	Pilihan Bahasa Suami Isteri	114
4.4.6	Berkomunikasi dengan Saudara mara	115
4.4.7	Berkomunikasi dengan Adik beradik	115
4.4.8	Berkomunikasi dengan anak	115
4.4.9	Berkomunikasi dengan cucu	115



## SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

BK	Bahasa Kintak
BM	Bahasa Melayu
BIL.	Bilangan
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JAKOA	Jabatan Kebajikan Orang Asli
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
%	Peratus
[]	Kurung fonetik



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan anugerah Allah yang tidak ternilai kepada manusia. Melalui bahasa, ilmu disampaikan dan dikembangkan. Bermula dari Nabi Adam A.S dan isterinya Hawa, bahasa kemudiannya terus berkembang dan mengalami perubahan mengikut zaman dan perubahan semakin terbentuk apabila berlakunya migrasi masyarakat manusia secara berasingan kelompok dan keadaan ini telah menyebabkan munculnya puak-puak, suku kaum dan bangsa yang berbeza setelah dipengaruhi oleh landskap fizikal dan budaya yang berlainan (Hashim Musa, 2006). Kenyataan ini adalah bertepatan seperti ayat-ayat Al-Quran berikut:

*Dia menciptakan manusia. Mengajarnya pandai berbicara (berbahasa)*  
(Arrahman: 3-4)

*Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama(benda-benda) seluruhnya kemudian mengemukakannya kepada para malaikat, lalu berfirman: "Sebutlah kepadaKu nama benda-benda itu jika kamu memang orang yang benar!"*

(Al-Baqarah: 31)

*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui, lagi Maha Teliti.*

(Alhujarat: 13)

Betapa pentingnya bahasa kepada organisasi masyarakat adalah suatu hakikat bahawa bahasa merupakan garis kelangsungan yang membawa galuran warisan dan budaya setiap bangsa. Abdullah Hassan (2009) menyatakan antara ciri jati diri sebuah bangsa ialah menuturkan bahasa yang sama. Oleh hal yang demikian dapatlah dikatakan bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat, malah menjadi ciri yang mendefinisikan bangsa.

Variasi bahasa yang wujud dan perbezaan bahasa yang digunakan dalam kumpulan sosial yang berbeza dalam masyarakat memperlihatkan bahawa bahasa adalah suatu lambang kepada kumpulan penuturnya. Perbezaan ini juga meletakkan bahasa sebagai sesuatu yang unik dan anugerah yang tidak ternilai kepada manusia. Variasi bahasa juga dikatakan mempunyai kepelbagaian ciri sebagaimana masyarakat yang

mempunyai identiti yang tersendiri. Variasi bahasa juga merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana bahasa merupakan satu bentuk perlakuan sosial. (Faridah Nazir dan Tuan Jah Tuan Yusof, 2013)

Variasi atau kepelbagaian bahasa yang wujud juga telah membentuk jurang dan persaingan yang hebat antara bahasa sehingga ada bahasa yang menjadi pilihan penutur dan ada yang disisihkan dan perkara ini menyebabkan ada di antara bahasa yang tenggelam dan hilang dari penuturnya. Situasi seperti ini telah diperlihatkan terhadap beberapa bahasa dunia seperti bahasa Ireland dan bahasa Kornis yang telah tenggelam dan digantikan oleh bahasa Inggeris di Britain.

Menurut Rohani Mohd Yusof (2016) kepelbagaian bahasa di sesuatu tempat akan mendorong berlakunya pertembungan bahasa atau kontak bahasa yang selanjutnya akan membawa kepada berlakunya gejala seperti pengekalan dan pengalihan bahasa. Menurut beliau lagi antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya gejala ini termasuklah faktor sosial, demografi, sosioekonomi dan sosiopolitik. Berdasarkan faktor-faktor ini akan berlaku pemilihan bahasa oleh masyarakat penutur. Pilihan bahasa biasanya akan memberikan kesan kepada bahasa yang lebih minoriti. Bahasa yang menjadi pilihan penutur seharusnya bahasa yang memiliki perhubungan yang luas dan tidak terhad dalam suatu kelompok sahaja.

Menurut Fasold di dalam Norhisham Osman (1999), pengekalan dan pengalihan bahasa merupakan kesan jangka masa panjang pemilihan bahasa yang berlaku di dalam sesebuah komuniti. Pada peringkat permulaan, pemilihan bahasa hanya berlaku bagi tujuan penggunaan berdasarkan situasi dan domain tertentu sahaja. Namun, lamakelamaan bahasa tersebut langsung tidak digunakan lagi. Perkara ini seterusnya akan membawa kepada kepupusan atau kehilangan bahasa yang membawa kepada kematian bahasa. Kematian bahasa bukanlah cerita dongeng tetapi satu isu yang sangat dibimbangi.

Sejajar dengan permasalahan ini, bahasa yang dilihat berhadapan dengan situasi ini di Malaysia adalah melibatkan bahasa-bahasa etnik minoriti. Charles A. Ferguson (1971) dalam Asmah Haji Omar (1993) telah memberikan takrif terhadap bahasa minoriti iaitu bahasa yang mempunyai salah satu ciri atau kedua-dua ciri berikut:

- i) Dipakai sebagai bahasa pertama oleh tidak lebih dari 25% penduduk dan oleh jumlah yang lebih dari 5% atau lebih dari 100,000 orang
- ii) Digunakan sebagai bahasa pengantar persekolahan di peringkat yang lebih tinggi sedikit dari sekolah rendah dan yang dipakai untuk menulis buku-buku teks selain dari buku-buku teks dasar.

Selari dengan definisi oleh Ferguson ini, menurut Asmah, bahasa Orang Asli di Malaysia tidak termasuk dalam mana-mana kategori yang dinyatakan oleh Ferguson kerana bahasa Orang Asli mempunyai penutur yang kurang daripada 5% dan juga tidak diajarkan di sekolah walaupun di peringkat sekolah rendah. Walaupun bermula tahun 2014 Bahasa Semai yang merupakan bahasa Orang Asli telah mula diajarkan di

peringkat sekolah, namun bahasa ini bukanlah mewakili semua kelompok bahasa masyarakat Orang Asli kerana setiap kelompok berbeza penggunaan bahasa mereka. Berdasarkan status ini, bahasa Orang Asli dilihat sebagai bahasa yang kritikal kestabilannya. Ancaman kepupusan terhadap bahasa ini adalah sangat tinggi kerana kumpulan penutur adalah lebih kecil berbanding kumpulan yang diberikan definisi sebagai kumpulan minoriti merujuk kepada pendapat Charles A. Ferguson. Menurut Dorian (1989) pula dalam tiga senarai beliau berkaitan simptom kematian bahasa telah mengatakan bahawa jumlah penutur yang sedikit merupakan faktor yang membawa kepada kematian bahasa. Corlett Grinevald (1998) turut mengatakan kehilangan atau kematian sesuatu bahasa adalah disebabkan oleh kehilangan penuturnya atau populasi yang semakin mengecil. Begitu juga pandangan oleh Asmah (2015) yang mengatakan sesuatu bahasa itu boleh lupus disebabkan oleh saiz sesuatu bangsa yang semakin mengecil.

Masyarakat orang Asli di Malaysia merupakan kumpulan minoriti yang bersifat heterogen kerana terdapat perbezaan unik dari segi sosiobudaya dan psikosocio-kognitif bagi setiap kaum yang terdapat dalam kumpulan Asli ini. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JAKOA pada tahun 2010 menerusi maklumat kadar pertumbuhan penduduk Asli, terdapat pertambahan dari jumlah penduduk berbanding tahun-tahun sebelumnya. Jumlah penduduk Orang Asli pada tahun 2010 adalah seramai 178,197 orang berbanding 34,747 pada tahun 1947 orang (Sumber- Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011). Walaupun wujud pertambahan, kumpulan ini tetap merupakan kumpulan minoriti terkecil yang wujud di Malaysia. Berikut diperturunkan statistik jumlah orang Asli berdasarkan kumpulan bagi seluruh negeri di Malaysia.

**Jadual 1.1: Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Kaum dan Negeri bagi Tahun 2010**

Negeri	Negrito	Senoi	Melayu Proto	Jumlah
<b>Pahang</b>	925	29,439	37,142	67,506
<b>Perak</b>	2,413	50,281	605	53,299
<b>Kedah</b>	251	19	0	270
<b>Selangor</b>	3	5,073	12,511	17,587
<b>Kelantan</b>	1,381	12,047	29	13,457
<b>Terengganu</b>	34	818	41	893
<b>N.Sembilan</b>	0	96	10,435	10,531
<b>Melaka</b>	1	28	1,486	1,515
<b>Johor</b>	1	55	13,083	13,139
<b>Jumlah</b>	<b>5,009</b>	<b>97,856</b>	<b>75,332</b>	<b>178,197</b>

(Sumber : Sistem Maklumat e-Damak JAKOA, 2010 dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011)

Berdasarkan statistik yang dipaparkan di atas, kumpulan Senoi merupakan kumpulan terbesar, diikuti oleh Melayu Proto dan yang paling kecil adalah kumpulan Asli Negrito. Setiap kumpulan ini terbahagi pula kepada suku-suku yang berlainan. Suku Asli Kentaq merupakan salah satu suku bagi masyarakat orang Asli Negrito. Suku ini merupakan antara suku terkecil dalam kumpulan Negrito. Berdasarkan data yang

diperoleh dari JAKOA Grik (2015), telah menunjukkan bahawa jumlah mereka hanya seramai 212 orang sahaja. Pada tahun 2011 berdasarkan maklumat JHEOA Hulu Perak dan Baling yang diperoleh dari Buku Daftar Kata Bahasa Melayu - Bahasa Orang Asli (2011) oleh Mohd Sharifudin Yusop pula telah menunjukkan bahawa jumlah suku ini adalah seramai 170 orang sahaja. Walaupun wujud peningkatan dalam jumlah ahli, namun suku ini tetap merupakan suku yang memiliki jumlah penutur yang kecil. Memetik dari laman web Etnologue.com (2015) data terkini jumlah pengguna bahasa ini di seluruh Malaysia hanyalah seramai 111 orang sahaja. Jumlah yang kecil menggambarkan bahawa bahasa Asli ini dalam keadaan sangat terancam. Tindakan segera harus diambil agar bahasa ini dapat terus dipertahankan dan dilestarikan pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan dari pelbagai sudut agar khazanah bahasa peribumi ini terus terpelihara dan tidak pupus ditelan zaman begitu sahaja.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Bahasa Kentaq merupakan antara bahasa minoriti yang berhadapan dengan kepupusan. Menurut Mohd Sharifudin Yusop (2011) melalui buku beliau "*Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli*" telah mengatakan bahawa, bahasa Kentaq adalah antara bahasa yang sedang mengalami proses pengusangan dan diancam kepupusan. Maklumat yang diperoleh daripada [www.etnologue.com](http://www.etnologue.com) pula menunjukkan bahawa status bahasa ini sedang berada di tahap "*threatened*" atau terancam. Menurut maklumat dari pihak JAKOA Grik, Perak pada tahun 2015, bilangan suku ini hanyalah seramai 212 orang sahaja. Situasi ini telah meletakkan bahasa ini dalam kumpulan minoriti yang mempunyai jumlah penutur yang kecil. Menurut Asmah (2008) pupusnya sesuatu bangsa itu boleh juga disebabkan oleh bangsa yang menuturkannya. Menurut Noriah (2016) pula bahasa yang terancam ialah bahasa yang semakin merosot dari jumlah penuturnya dan penggunaannya.

Selain berhadapan dengan kepupusan disebabkan bilangan penutur yang kecil, bahasa ini juga perlu berhadapan dengan faktor kepupusan lain yang lebih besar disebabkan pertembungan bahasa dengan bahasa yang lebih dominan atau kumpulan penutur bahasa lain yang lebih bersifat majoriti. Dalam konteks di Malaysia kumpulan majoriti yang perlu didepani oleh penutur bahasa Kentaq adalah penutur bahasa Melayu.

Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa Rasmi di Malaysia telah mewujudkan situasi bilingualisme atau dwibahasa dalam kalangan penutur bahasa Kentaq. Situasi seperti ini adalah perkara umum yang turut berlaku terhadap penutur bahasa minoriti yang lain di Malaysia. Keberagaman bahasa yang wujud dalam kalangan penutur dwibahasa atau multibahasa biasanya akan mewujudkan kontak bahasa atau kontak dialek dalam kalangan penuturnya. Kontak atau hubungan yang wujud berpotensi mendatangkan akibat kepada linguistik. Menurut beberapa sarjana seperti Trudgill (1986), Siegel (1987), Thomason (2001), dan Mufwene (2001) yang telah banyak menganalisis berkaitan situasi kontak dan kesan kontak, mereka mengatakan bahawa akibat yang terhasil daripada pertembungan atau kontak bahasa ialah kematian bahasa, peralihan bahasa dan pembentukan linguistik yang baharu (pijin, kreol dan dialek baharu).

Isu berkaitan kepunahan dan kepupusan atau kematian bahasa minoriti yang timbul daripada kesan kontak atau pertembungan bahasa bukanlah isu baharu dan seringkali mendapat perhatian ramai pengkaji. Kepupusan bahasa melibatkan kelompok minoriti merupakan isu yang sangat membimbangkan. Hal ini kerana setiap dua minggu bahasa asli atau pribumi akan pupus. Keadaan ini menyebabkan 5500-6000 bahasa yang digunakan sekarang akan bergabung dengan bahasa Latin dan Yunani yang telah mati (David Crystal, 2002). Pernyataan ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh itu, kematian atau kepunahan bahasa merupakan sesuatu yang amat malang berlaku kepada sesuatu bangsa. Perubahan kecendekiaan pada akhir abad ke-20 ini memperlihatkan perlunya kajian terhadap kepupusan bahasa diberi perhatian.

Peralihan bahasa atau *language shift* juga merupakan kesan daripada kontak linguistik. Pertembungan bahasa yang berlaku akan menyebabkan peralihan bahasa dalam sesebuah masyarakat tutur. Menurut Weinreich (1953), “peralihan bahasa boleh ditakrifkan sebagai perubahan daripada penggunaan biasa daripada satu bahasa kepada bahasa yang satu lagi”. Peralihan bahasa yang berlaku juga dikhuatiri boleh menjejaskan identiti bahasa dan menyebabkan kehilangan sesuatu bahasa.

Selain itu, kontak bahasa yang melibatkan pertembungan dengan bahasa yang lebih dominan akan mewujudkan persaingan bahasa yang mungkin akan menyebabkan berlakunya gejala pemilihan bahasa terhadap bahasa yang lebih berprestij. Melalui pemilihan ini akan menyebabkan ada bahasa yang akan mengalami pemeliharaan dan ada juga yang akan mengalami penyisihan (Nor Hisham Osman, 1999). Bahasa yang mengalami penyisihan biasanya akan berhadapan dengan situasi kepunahan atau kepupusan.

Berdasarkan permasalahan yang timbul, kajian ini dilihat sebagai usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan bahasa Kentaq tidak hilang begitu sahaja tanpa sebarang usaha pendokumentasian dilakukan. Kajian ini juga akan menilai sama ada pertembungan bahasa yang berlaku di antara bahasa Kentaq dan bahasa Melayu mewujudkan hubungan linguistik antara kedua-dua bahasa. Selain itu penilaian juga dibuat bagi menghuraikan tipologi keterancaman bahasa Kentaq dan seterusnya rumusan akan dibuat berkaitan status kelestarian bahasa ini dengan meneliti pemilihan bahasa orang Asli Kentaq berdasarkan domain penggunaan bahasa mereka.

### 1.3 Soalan Kajian

2. Adakah kontak linguistik antara bahasa Kentaq dan bahasa Melayu telah memberi kesan terhadap bahasa Kentaq?
3. Apakah ciri-ciri tipologi keterancaman bahasa yang terdapat di dalam bahasa Kentaq?
4. Sejauh manakah domain penggunaan bahasa memberi kesan terhadap status kelestarian bahasa Kentaq?

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai status bahasa minoriti Kentaq.

Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan;

1. Menjelaskan hubungan linguistik antara bahasa Kentaq dengan bahasa Melayu.
2. Menghuraikan tipologi keterancaman Bahasa Kentaq
3. Merumuskan status kelestarian bahasa Kentaq berdasarkan domain penggunaan bahasa.

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Menyedari akan hakikat bahawa bahasa minoriti khususnya bahasa Orang Asli berada dalam kelompok yang terancam, kajian ini dilihat sebagai usaha penting bagi membantu memelihara khazanah ini. Usaha pendokumentasian secara bertulis yang terhasil dari kajian ini melibatkan pengumpulan kosa kata bahasa Kentaq yang telah ditranskripsikan ke dalam bentuk tulisan diharapkan dapat membantu memelihara kosa ilmu berkaitan Bahasa Kentaq. Menurut Asmah Haji Omar (2001) proses pendokumentasian seperti ini juga dapat memberikan sesuatu bahasa atau dialek itu, kedudukan yang jelas dalam perbendaharaan bahasa dunia atau dalam erti kata yang lain bahasa yang dikaji akan dapat dimasukkan ke dalam senarai bahasa yang terdapat di dunia.

Selain itu pendokumentasian kajian ini juga diharapkan dapat membantu komuniti penutur lebih yakin dengan kemampuan untuk bergerak ke hadapan dengan bahasa sendiri. Asmah Haji Omar (2001) turut menyatakan bahawa pendokumentasian dapat membantu sesuatu komuniti itu untuk melangkah ke hadapan. Apabila sesuatu komuniti itu dapat melihat bahasanya dalam bentuk tulisan, hal ini akan memberikan keyakinan kepada mereka untuk terus melangkah ke hadapan, iaitu dalam mengajar bahasa itu secara formal di sekolah dan kepada kanak-kanaknya sendiri. Dengan permulaan seperti ini, kemajuan dapat dicapai oleh bahasa berkenaan dan tidak ada hadnya.

Penelitian dari aspek identifikasi bahasa melalui kajian hubungan bahasa juga membolehkan para pengkaji mengetahui secara lebih jelas hubungan linguistik yang wujud antara bahasa Kentaq dan bahasa Melayu. Selain itu, masyarakat amnya dan para pengkaji khususnya akan memperoleh gambaran yang lebih jelas berkaitan status bahasa ini berdasarkan kajian yang dilakukan. Selain dapat menambah wawasan pengetahuan berkaitan ilmu bahasa, kajian sosiolinguistik bahasa Kentaq ini juga membantu seseorang menyelami budaya hidup masyarakat Kentaq yang telah membentuk budaya bahasa mereka.

Dapatan hasil kajian juga diharap dapat memberikan inspirasi kepada Orang Asli Kentaq untuk terus memelihara bahasa ibunda mereka. Bahasa ibunda atau bahasa etnik merupakan refleksi atau identiti bangsa yang wajib dipelihara. Masyarakat harus sedar bahawa bahasa adalah lambang kepada sesuatu bangsa. Persepsi negatif terhadap bahasa ibunda haruslah dikikis kerana ini adalah warisan bangsa yang wajar dipelihara agar terus lestari dan menjadi lambang kepada bangsa.

Dilihat dalam konteks yang lebih luas, kajian ini secara tuntasnya akan menghuraikan secara lebih terperinci berkaitan status kelestarian bahasa kaum minoriti yang sering diperkatakan keterancamannya. Penelitian terhadap tipologi keterancaman bahasa dan pemilihan bahasa berdasarkan domain adalah medium utama yang dipilih bagi menguji status kelestarian bahasa suku Kentaq ini, diharapkan dapat memberikan informasi dan pemahaman berkaitan isu ini. Diharapkan juga dapatan kajian yang diperoleh, dapat membantu pihak-pihak berkenaan seperti kerajaan dan badan-badan berkaitan Orang Asli dalam usaha kemajuan dan pembangunan, disamping pemeliharaan terhadap identiti suku terus dilakukan.

#### **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini adalah untuk melihat status kelestarian bahasa minoriti Kentaq yang dilihat sangat kecil kumpulan penuturnya. Suku orang Asli Kentaq merupakan subetnik orang Asli Negrito yang tinggal di Kampung Bukit Asu, Pengkalan Hulu, Perak. Masyarakat Orang Asli Kentaq merupakan suku terkecil dalam kelompok Negrito yang hanya berjumlah 212 orang sahaja (JAKOA Grik, 2015) . Kampung Bukit Asu merupakan satu-satunya penempatan bagi masyarakat suku ini.

Bagi tujuan pemilihan sampel, sampel kajian telah dibatas dan dibahagikan kepada empat peringkat umur. Pembahagian peringkat umur yang pertama adalah daripada umur 6 hingga 19 tahun, peringkat kedua daripada 20 hingga 39 tahun, peringkat umur ketiga daripada 40 hingga 69 tahun dan peringkat umur yang keempat daripada 70 tahun dan ke atas. Sampel kajian yang digunakankan ialah sampel bertujuan dimana sampel telah dikenal pasti terlebih dahulu oleh pengkaji dan ciri sampel yang diipilih adalah bersesuaian dengan kajian ini.

Penelitian yang dibuat adalah aspek meliputi aspek huraian linguistik, tipologi keterancaman dan pemilihan bahasa berdasarkan domain penggunaan bahasa, bagi merumuskan tahap kelestarian bahasa. Dalam kajian ini *Swadesh List* dan senarai kata bertema digunakan sebagai medium senarai pengumpulan kosa kata bagi melihat aspek leksikal dan fonologi bahasa Kentaq serta borang soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan demografi dan pilihan bahasa.



## **1.7 Definisi Operasional**

### **1.7.1 Status**

Status secara umumnya merujuk kepada taraf atau tahap. Status juga merujuk kepada keadaan (orang, badan dan sebagainya). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, status adalah bermaksud taraf atau kedudukan yang merujuk kepada negara, orang dan lain-lain. Status bahasa merujuk kepada taraf atau kedudukan bahasa terutamanya dalam sesebuah komuniti masyarakat.

### **1.7.2 Bahasa Minoriti**

Minoriti adalah merujuk kepada golongan kecil yang sama keturunan, agama, budaya, bahasa dan sebagainya di sesebuah tempat atau negara yang majoriti penduduknya berlainan keturunan, agama dan sebagainya (Kamus Dewan, 2007). Menurut James Fawcett (1996) pula, minoriti merujuk kepada suatu kelompok atau kumpulan yang lemah/kurang dari segi bilangannya berbanding penduduk tetap sesebuah negara. Mereka berada dalam posisi yang tidak dominan, mempunyai perbezaan sama ada dari segi etnik, agama, dan karektor bahasa penduduk tempatan.

Justeru itu bahasa minoriti adalah merujuk kepada bahasa yang digunakan dan dituturkan oleh suatu kumpulan yang kecil bilangannya berbanding penduduk setempat bagi sesebuah negara. Bahasa ini sering dikaitkan dengan isu penyisihan dan kepupusan kerana terpaksa bersaing dengan bahasa majoriti.

### **1.7.3 Bahasa Kentaq**

Bahasa Kentaq merupakan bahasa pertuturan bagi suku orang Asli yang mendiami utara semenanjung Malaysia. Masyarakat penutur bahasa ini dikenali sebagai suku Asli Kentaq yang tergolong dalam kumpulan orang Asli Negrito. Nama lain yang digunakan bagi masyarakat ini ialah Kintak Bong dan Kintak Nakil. Orang Asli Kentaq juga merupakan satu di antara dua rumpun bangsa orang Asli daripada suku kaum Negrito atau asalnya dikenali sebagai Semang oleh beberapa pengkaji terdahulu (Perakgis.my, 2013). Penutur bahasa ini hanya terdapat di sebuah kampung sahaja di Hulu Perak. Perkampungan yang dikenal pasti ialah Kampung Bukit Asu, Pengkalan Hulu, Perak. Dalam kumpulan suku Asli Negrito, penutur bahasa ini merupakan antara yang terkecil berbanding penutur bahasa suku Negrito yang lain. Data terkini yang di peroleh daripada JAKOA Grik pada tahun 2015 menunjukkan bahawa jumlah suku ini hanyalah seramai 212 orang sahaja.

Menurut data Etnologue.com, bahasa Kentaq merupakan bahasa yang berada dalam kategori yang terancam dengan jumlah penutur bahasa di seluruh Malaysia yang hanya berjumlah 111 orang sahaja. Bahasa ini menurut etnologue.com juga terdapat di sempadan Thailand iaitu di Wilayah Selatan Yala dan status bahasa ini dalam keadaan hampir pupus dengan jumlah penutur hanya seorang warga dewasa sahaja. Nama lain

bagi bahasa ini di Thailand adalah Kenta, Kintaq Bong, Kintak dan Maniq. Huraian berkaitan masyarakat ini boleh dilihat dalam bab yang seterusnya (bab 1.9).

#### 1.7.4 Kelestarian Bahasa

Kelestarian berasal dari kata akar lestari yang membawa maksud tidak berubah- ubah kekal, atau tetap (Kamus Dewan, 2007) Usaha melestarikan bahasa adalah usaha di mana untuk mengekalkan identiti bahasa. Menurut Zainal Abidin Masleh (2012), pelestarian bahasa adalah usaha untuk mengekalkan hayat sesuatu bahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sendiri.

Pelestarian bahasa atau pemeliharaan bahasa di mana dalam istilah Inggeris dikenali sebagai *language maintenance* adalah situasi di mana sesebuah komuniti itu terpaksa membuat pilihan mengenai bahasa yang mana menjadi keutamaan dan digunakan dalam komuniti masyarakat.

Pemeliharaan bahasa bermakna komuniti secara kolektif terus menggunakan sesuatu bahasa atau kelainan bahasa berkenaan. Bahasa atau kelainan bahasa itu telah digunakan secara turun temurun, menurut Fasold, “*In language maintenance the community collectively decides to continue using the language or languages it has traditionally used*” (1984)

Justeru kelestarian bahasa membawa maksud, penggunaan bahasa yang kekal dan tidak berubah-ubah.

#### 1.7.5 Sociolinguistik

Sociolinguistik merupakan bidang yang mengkaji hubungan antara bahasa dan masyarakat penuturnya. Bidang ini mengkaji penggunaan bahasa dengan perlakuan atau komuniti bahasa. Secara prinsipnya, sociolinguistik merupakan bidang yang mengkaji aspek-aspek linguistik yang melibatkan aspek bahasa, struktur dan penggunaan yang berhubungan dengan fungsi-fungsi sosial, kebudayaan dan penggunaannya dalam sesebuah masyarakat yang tertentu (Nik Hasan Basri ,2009).

Menurut Abdullah Hassan (2007) istilah sociolinguistik berasal daripada gabungan perkataan sosio dengan linguistik dan menunjukkan bahawa bidang ilmu ini adalah perpaduan sosiologi dan linguistik. Ada yang menyebutnya sebagai *linguistics plus* dan pokok dalam ilmu ini adalah masyarakat dan bahasa. Justeru boleh dikatakan sociolinguistik adalah ilmu interdisiplineri yang membincangkan dan menyusun teori-teori tentang perhubungan masyarakat dan bahasa.

Bernard Spolsky (2010) pula menyatakan bahawa, “*Sociolinguistics is the field that studies the relation between language and society, between the uses of language and the social structures in which the users of the language live. It is a field of study that*

*assumes that human society is made up of many related pattern and behaviours, some of which are linguistic”.*

Selari dengan pendapat Spolsky (2010), definisi sosiolinguistik juga telah diuraikan oleh Nik Safiah Karim (1988), sebagai cabang linguistik yang mengkaji hubungan antara bahasa dengan masyarakat dan bagai mana kedua-duanya saling mempengaruhi.

Seterusnya Noriah Mohamed (2003) berpendapat bahawa sosiolinguistik merujuk kepada fungsi dan maksud sosial berbahasa atau hubungan kepada aspek sosial (atau masyarakat) yang menggunakannya. Sosiolinguistik juga merupakan kajian kontekstual terhadap variasi penggunaan masyarakat dalam sebuah komunikasi yang dialami. Sosiolinguistik turut mengkaji pelbagai bahan sosio budaya yang berkaitan dengan aspek-aspek linguistik seperti perhubungan sosial harian seperti kebudayaan, masyarakat, kumpulan sosial, bahasa, dialek dan bentuk-bentuk gaya yang dibezakan oleh perihal taraf pemakai-pemakainya (Faridah Nazir dan Tuan Jah Tuan Yusof, 2013).

Menurut Ajid Che Kob (1990) antara ruang lingkup sosiolinguistik adalah seperti berikut:

1. Ragam-ragam bahasa;  
Bahasa standard, dialek, register atau laras bahasa, penukaran ataupun perbauran kod.
2. Bahasa, budaya dan fikiran;  
Relativiti bahasa dan budaya; bahasa pertuturan dan fikiran (terutamanya yang berkaitan dengan Hipotesis Sapir-Whorf)
3. Kajian bahasa dan interaksi sosial;  
Bahasa Sebagai penanda identiti sosial, struktur pertuturan (permulaan-penutup, ambil gilir), perlakuan verbal dan bukan verbal
4. Kajian Bahasa secara kuantitatif;  
Sebenarnya adalah satu kaedah dalam mempertaliakan penggunaan bahasa dengan penggunanya, dan biasanya ada kaitan dengan topik no. 7 di bawah.
5. Linguistik dan ketidakadilan sosial;  
Prejudis terhadap sesuatu bahasa atau ragam, ketidakcekapan berbahasa, ketidakcekapan berkomunikasi.
6. Perancangan bahasa standardisasi bahasa;
7. Bahasa dan masyarakat;  
Bahasa dan kelas sosial, bahasa dan kumpulan etnik, bahasa dan konteks, sikap terhadap bahasa.
8. Pengajaran dan pembelajaran bahasa;  
Faktor-faktor sosial dan penguasaan bahasa.

Oleh itu yang dimaksudkan, sosiolinguistik adalah bidang ilmu yang mengkaji kesan sebarang aspek masyarakat ke atas bahasa dan bidang ini bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan ini. Penelitian terhadap masyarakat Kentaq dari sudut bahasa berdasarkan beberapa faktor sosial, demografi dan sikap diharapkan dapat menjawab persoalan berkaitan status bahasa ini.

## 1.8 Masyarakat Orang Asli Di Malaysia

Masyarakat Orang Asli merupakan kelompok minoriti yang mendiami Semenanjung Malaysia meliputi seluruh negeri di Malaysia, kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Masyarakat Orang Asli juga dikatakan merupakan orang asal di Semenanjung Malaysia

“... *the Orang Asli people are certainly the original inhabitants of Malaysia*” (Carey Iskandar, 1976) .

Orang Asli juga dikenali sebagai masyarakat peribumi dan mereka mempunyai hak dan keistimewaan yang diberi oleh pihak kerajaan. Istilah peribumi menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) membawa maksud penduduk asli atau bumiputera. Orang Asli atau penduduk peribumi tidak mempunyai takrifan yang sejagat, piawai atau tetap, tetapi biasanya merujuk kepada masyarakat peribumi asal yang terdapat dalam sesebuah negara, negeri, daerah ataupun tempat (Zalizan, Abdul Razaq dan Ahmad Rafai, 2009). Istilah Orang Asli diberikan kepada masyarakat ini kerana dikatakan masyarakat Orang Asli merupakan antara masyarakat peribumi terawal yang mendiami Tanah Melayu. Selain daripada itu terdapat juga beberapa istilah lain yang merujuk kepada Orang Asli seperti, ‘Orang Hulu’, ‘Orang Darat’, ‘Bersisi’, ‘Mantra’, ‘Orang Asal’ dan ‘Orang Mawas’ (Nicholas, 2000).

Pada zaman pemerintahan Inggeris, Orang Asli juga pernah digelar dengan istilah ‘Sakai’ dan ‘Pagan’ dan istilah ini juga pernah digunakan oleh Skeat dan Blagden (1906) dalam buku mereka ‘*Pagan Races of Malay Peninsular*.’ Istilah ‘Pagan’ menurut Carey (1976) tidak sesuai lagi digunakan kerana *the pagan races* iaitu orang yang tidak menganut sebarang agama terbesar dunia (Skeat & Blagden 1906) tidak lagi tepat kerana sudah ramai Orang Asli pada masa ini yang sudah pun menganut sama ada agama Islam ataupun Kristian (Carey, 1976). Perkataan ‘Sakai’ pula merujuk kepada ‘hamba’ dan istilah ini dalam bahasa Temiar diertikan sebagai orang yang bekerja dengan orang lain (Carey, 1976). Penggunaan istilah ini bagi merujuk kepada Orang Asli adalah sangat menghinakan.

Istilah Orang Asal dan Orang Asli kemudiannya telah diguna pakai ke atas masyarakat ini oleh pihak British bagi tujuan memujuk Orang Asli membantu pihak kerajaan memerangi ancaman komunis (1948-1960) dan istilah ini disenangi oleh mereka. Istilah ini telah diperkenalkan secara rasmi dalam Bahasa Melayu pada tahun 1954 setelah Akta Orang Asli 1954 telah digubal. Menurut Carey (1976) istilah “Asli” berasal daripada perkataan Arab, ( أصل - باصل - اصالة ) yang bermaksud “*well born*” iaitu mempunyai baka dan keturunan yang baik atau “*aristocratic*” iaitu golongan bangsawan. Istilah positif ‘Orang Asli’ ini telah menjadi istilah rasmi sehingga kini sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris (Carey, 1976).

Dalam pendefinisian Orang Asli juga, satu akta khusus telah digubal oleh kerajaan dalam Perlembagaan Negara dan juga Akta Orang Asli 1954 (Malaysia, 1974). Melalui Akta 134 iaitu akta khusus bagi Orang Asli dan hanya boleh dikuatkuasakan bagi

Semenanjung Malaysia, menetapkan 4 syarat utama bagi mendefinisikan Orang Asli iaitu:

- a) Mana-mana orang yang bapanya adalah dari rumpun bangsa Orang Asli yang bercakap dalam bahasa Orang Asli yang lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan. Ini termasuklah keturunan Orang Asli itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
- b) Anak dari apa-apa persatuan antara seseorang perempuan Orang Asli dengan seseorang lelaki dari kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli yang adat dan kepercayaan Orang Asli yang masih lagi menjadi seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
- c) Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli kerana ia telah masuk sesuatu agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, ia masih mengikut cara hidup Orang Asli serta bercakap dalam bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seseorang Orang Asli semata-mata oleh sebab ia mungkin mengamalkan agama itu.
- d) Apa-apa soal sama ada seseorang adalah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Dari sudut historiografi, kaum orang Asli dan masyarakat Melayu dilihat sebagai dua kumpulan masyarakat yang berbeza dan berada di bawah rumpun yang berlainan. Masyarakat Orang Asli adalah keturunan kaum nomad neolitik yang telah berpencaran ke serata dunia dari Afrika yang berasal daripada kumpulan Negrito lebih kurang 40,000 tahun yang lampau sedangkan orang Melayu pula berasal dari Tanah Tinggi Yunan di selatan China (Zalizan, Abdul Razaq dan Ahmad Razaai, 2009).

Ada juga pendapat atau teori yang telah mengatakan bahawa penduduk Tanah Melayu yang tertua sekali adalah orang Asli Negrito. Mereka telah dikatakan telah wujud sekitar 1000 tahun sebelum Masihi di Tanah Melayu. Memandangkan jangka masa yang lama inilah dipercayai mereka merupakan masyarakat yang paling nomadik dan primitif berbanding kumpulan Asli yang lain di Malaysia. Hal ini turut dikaitkan dengan beberapa penemuan artifak arkeologi di Gua Cha, Kelantan, daripada kumpulan ini akhirnya muncul orang Senoi. Ciri-ciri mereka dilihat berbeza dengan orang Melayu kerana mereka berkulit gelap, berambut kerinting, bermata bundar, berhidung pesek, bibir tebal dan saiz badan yang agak kecil.

Dari segi demografi masyarakat Orang Asli di Malaysia telah dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu, Negrito, Senoi dan Melayu Proto (JHEOA, 2009). Di Malaysia tiga kelompok Orang Asli ini iaitu, Negrito, Senoi dan Melayu Proto telah dibahagikan lagi mengikut subkelompok atau pun suku kaum. Terdapat 18 suku kaum Orang Asli antaranya Kensiu, Lanoh, Jahai, Bateq, Kentaq dan Mateq yang termasuk dalam kelompok suku kaum Negrito. Dalam suku kaum Senoi pula yang terkandung dalam

kelompok ini adalah suku kaum Temiar, Semai, Jahut, Che wong, Semoq Meri dan Mahmeri. Manakala untuk suku kaum Melayu Proto pula terdiri daripada Semelai, Seletar, Kanaq, Temuan, Duano (Kuala) dan Jakun. Pembahagian ini telah diterima oleh kebanyakan ahli etnografi seperti Willam-Hunt (1952), Iskandar Carey (1976) dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun maklumat etnik masyarakat Orang Asli hanya diperoleh di peringkat sub-kumpulan sahaja.

**Jadual 1.8.1: Perincian Kumpulan Orang Asli di Malaysia**


<u>Kumpulan Utama</u>	<u>Kumpulan Kecil</u>	<u>Kumpulan Terperinci</u>
Senoi	Temiar Semai Senoi lain	Temiar Semai Che Wong Jah Hut Semoq Beri Mah Meri
Melayu Asli	Jakun Temuan Semelai Melayu Asli Lain	Jakun Temuan Orang Kanaq Orang Selentar Orang Kuala
Negrito	Negrito	Bateq Kensiu Kintaq Jahai Lanoh Mendriq

(Sumber: JHEOA 1990)

Berdasarkan jadual di atas, masyarakat orang Asli menurut Endicott (1979) adalah berbeza antara ketiga-tiga kelompok sama ada dari fizikal, ekonomi, organisasi sosial, kepercayaan dan bahasa.

Dari segi penempatan, masyarakat Orang Asli di seluruh semenanjung Malaysia secara umumnya adalah meliputi seluruh negeri kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun maklumat ini hanya mengambil kira Orang Asli yang tinggal di rizab-rizab khusus yang disediakan untuk mereka yang kebiasaanya terletak dipinggiran perkampungan Melayu dan pedalaman (Mohd Sharifudin Yusop, 2013) .

Klasifikasi yang dibuat oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (seterusnya JHEOA) telah menunjukkan 37.17% perkampungan masyarakat ini terletak jauh di pendalaman, 61.45% di pinggir Bandar, dan hanya 1.38% di kawasan Bandar (Zainal Abidin Haji Ali, 2004). Berikut diperturunkan taburan masyarakat Asli berdasarkan kaum di Malaysia.



**Rajah 1.8.1: Taburan penduduk Orang Asli mengikut suku kaum (1990)**  
(Sumber : JHEOA, 1990)

**Jadual 1.8.2: Taburan suku Orang Asli di Malaysia**

Nama Suku Kaum	Taburan penempatan
<p><b>Negrifo (Semang)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kensiu</li> <li>- Kentaq</li> <li>- Jahai</li> <li>- Lanoh</li> <li>- Mendriq</li> <li>- Bateq</li> </ul>	<p>Timur laut Kedah &amp; Perak                      Utara Perak                      Timur laut perak &amp; barat Kelantan                      Utara dan tengah Perak                      Tenggara Kelantan                      Timur laut Pahang, tenggara Kelantan dan Terengganu</p>
<p><b>Senoi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semai</li> <li>- Temiar</li> <li>- Che Wong</li> <li>- Jahut</li> <li>- Semoq Beri</li> <li>- Mah Meri</li> </ul>	<p>Selatan Perak &amp; barat laut Pahang                      Utara Perak &amp; selatan Kelantan                      Tengah Pahang                      Tengah Pahang                      Tengah Pahang dan Terengganu                      Pantai Selangor</p>
<p><b>Melayu- Proto</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Temuan</li> <li>- Semelai</li> <li>- Jakun</li> <li>- Orang Kanaq</li> <li>- Orang Kuala/Duano</li> <li>- Orang Seletar</li> </ul>	<p>Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka &amp; Johor                      Tengah Pahang dan Negeri Sembilan                      Pantai Pahang                      Kota Tinggi Johor                      Pantai Johor                      Pantai Johor</p>

(Sumber: Diubahsuai dari Osman Ali 2005)

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang sangat berpegang kepada adat resam kehidupan sehingga ada yang berpandangan bahawa masyarakat ini merupakan masyarakat yang mundur dan susah untuk menerima kemajuan disebabkan masih



berpegang kuat kepada warisan nenek moyang mereka. Namun kini segalanya telah berubah. Sudah ramai masyarakat Orang Asli yang telah berjaya dan ramai dalam kalangan anak-anak mereka yang juga telah berjaya menjejakkan kaki di institusi pengajian tinggi dan berdasarkan statistik dari pihak JHEOA seramai 436 orang anak Orang Asli yang telah berjaya menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam(IPTA) pada tahun 2004.

Pembangunan berkaitan masyarakat Orang Asli telah mendapat perhatian dari pihak kerajaan sejak dahulu lagi dimana perancangan berkaitan masyarakat ini telah dimasukkan kedalam pelan Rancangan Malaysia Ketiga (seterusnya RMK) lagi. Perancangan dan pembangunan membabitkan sosio budaya dan sosio ekonomi masyarakat ini terus mendapat pembelaan sehinggalah ke hari ini dan usaha ini direalisasikan dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 1954.

Menurut Siti Nor Awang dan Juli Edo (2003), masyarakat Orang Asli telah terdedah kepada dua bentuk pembangunan. Pertama, pembangunan yang telah dirancang khas untuk masyarakat ini, dan yang kedua, pembangunan umum. Pembangunan khusus meliputi program pembangunan tanah, pembangunan perusahaan dan industri, bimbingan usahawan, penternakan dan perikanan, pembelian peralatan serta jentera pertanian. Pembangunan umum merujuk kepada program pembangunan yang dilaksanakan secara menyeluruh tanpa mengira kumpulan masyarakat. Sebaliknya, semua anggota masyarakat dijangka mendapat faedah hasil perlaksannaannya. Contohnya, penyediaan prasarana termasuklah bekalan air bersih, kemudahan telefon, jalan raya, sistem pengangkutan dan sebagainya, (dalam Sarjit S.Gill et.all, 2008) Secara khususnya, Siti Nor Awang, Juli Edo (2003) dan Juli Edo (2006) mengatakan bahawa pembangunan Orang Asli tertumpu kepada dua teras utama, iaitu pembangunan ekonomi dan sosial, dengan pembangunan kerohanian sebagai teras tambahan, (Sarjit S.Gill et.all, 2008).

Berikut merupakan antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh JHEOA dari segi ekonomi dan sosial melibatkan masyarakat Orang Asli (sumber: Mohd Fauzi Harun & Nur Aini Idris, 2009) :

Ekonomi

1. JHEO telah membangunkan tanah di luar rancangan penempatan semula (RPS) dengan tanaman kelapa sawit, getah dan tanaman jangka pendek dengan kerjasama agensi-agensi seperti FELDA dan RISDA. Projek ini memberi kesan kepada 7.764 keluarga Orang Asli.
2. JHEO telah menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek ternakan dan perikanan yang mana ianya lebih ke arah projek sara diri kepada masyarakat Orang Asli. Sepanjang empat tahun di bawah RMK-7, sebanyak lima projek ternakan lembu, dua ternakan kambing dan masing-masing satu projek ternakan biri-biri dan ayam telah dilaksanakan dengan memberi faedah kepada 100 peserta. Sementara itu, sebanyak 24 projek perikanan telah dijayakan yang melibatkan 72 peserta.
3. Penyediaan bantuan subsidi peralatan pertanian seperti pembajak, alat-alat torhan, mesin tebang dan lain-lain kepada Orang Asli telah meningkatkan produktiviti mereka.

4. Sejumlah 192 unit bangunan kedai dengan kos kira-kira RM10000 seunit telah dibina bagi menggalakkan Orang Asli berniaga di samping sebanyak 410 usahawan kecil masyarakat Orang Asli telah dilahirkan atas daya usaha JHEOA.
5. JHEOA juga telah menggalakkan Orang Asli menabung, mencarum dan menyimpan wang mereka. Seramai 15422 ketua-ketua masyarakat keluarga Orang Asli telah mendapat faedah daripada skim caruman ASB/PPRT yang telah dilaksanakan pada tahun 1996 dan 1997.

#### Sosial

1. Jabatan telah membina dan mengubah suai 179 unit berserta kelengkapan untuk menempatkan kelas-kelas TABIKA Orang Asli dan sejumlah 50 unit daripadanya telah dibina atau diubah suai sepanjang RMK-7. Program ini memberi faedah kepada 4000 anak-anak Orang Asli.
2. Membuka 74 kelas Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PPK) dan Pendidikan Literasi Fungsian yang memberi Faedah kepada 1274 Orang Dewasa.
3. Membina lima buah asrama untuk meningkatkan mutu pendidikan anak-anak Orang Asli di bawah kendalian Kementerian Pendidikan.

Aktiviti-aktiviti berkaitan masyarakat Orang Asli senantiasa mendapat tempat dalam rancangan kerajaan dan tidak terhenti begitu sahaja. Dalam tempoh RMK-8, pelan pembangunan Komprehensif Masyarakat Orang Asli dirangka di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Ianya merupakan penerusan projek di bawah Program Pembangunan Bersepadu Desa terpencil. SPKR adalah program menangani isu kemiskinan, kemiskinan am serta kumpulan mudah miskin di kawasan luar bandar dan bandar, (Mohd Fauzi Harun & Nur Aini Isris, 2009). Usaha pembangunan masyarakat Orang Asli seterusnya diteruskan dalam RMK- 9 dengan penggabungan satu program pembangunan komprehensif yang merangkumi tugas pelan tindakan iaitu: 1. Pelan Tindakan Pembangunan Masyarakat Orang Asli, 2. Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli, dan 2. Pelan Pembangunan Kesihatan Masyarakat Orang Asli.

Seterusnya dalam RMK-10, pembangunan tanah secara berkelompok atau menggunakan pendekatan agropilitan dilaksanakan untuk pembangunan pertanian melibatkan masyarakat orang Asli. Pemberian tanah ini akan membolehkan masyarakat orang Asli memajukannya dengan bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan. Di samping itu mereka turut diberi akses yang lebih baik kepada infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan, pendidikan dan kemahiran.

Melalui usaha pembangunan yang dinyatakan di atas, dapat dilihat bahawa masyarakat Orang Asli merupakan kelompok yang sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan agar turut sama terlibat dalam rancangan pembangunan Negara.

Namun, walaupun telah banyak usaha pembangunan yang dibuat terhadap masyarakat Orang Asli namun, masyarakat ini dikatakan masih terkebelakang dalam arus pembangunan negara. Hal ini demikian kerana menurut Juli Edo (2006) kebanyakan

pembangunan yang dijalankan ke atas Orang Asli kebanyakan adalah bersyarat. Sebagai contohnya, pada peringkat awal, pembangunan Orang Asli akan dilaksanakan sekiranya mereka menyokong kerajaan dan menentang komunis, kemudian menyokong pemerintah, menukar agama dan mungkin perlu menukar identiti atau etnisiti mereka. Kerajaan bersikap “telunjuk lurus, kelengkeng berkait” dan “ada udang di sebalik batu” dalam membangunkan Orang Asli. Pembangunan Orang Asli turut mempunyai agenda tersurat yang sering berlain arah atau dibanyangi agenda-agenda tersirat. Dengan ini pembangunan Orang Asli menjadi perlahan dan tidak berkesan, (Sarjir S.Gill et.al, 2008).

Justeru itu, langkah yang lebih efektif harus diambil agar masyarakat Orang Asli turut menerima pembangunan tanpa rasa ragu dan telus supaya mereka juga memperoleh manfaat dalam pembangunan negara di samping pemeliharaan terhadap khazanah yang dimiliki agar tidak kehilangan identiti dan jati diri terutamanya dari sudut bahasa.

### **1.8.1 Bahasa Masyarakat Orang Asli di Malaysia**

Sebelum kemerdekaan kebanyakan Orang Asli tidak mahir bertutur dalam bahasa Malaysia. Perkara ini telah ditegaskan oleh William Hunt dalam bukunya ‘*An Introduction to Malayan Aborigines*’.


*“ There is the popular misconception that all Aborigines can speak Malay. It is perfectly true that some ethnic groups speak Malay, usually in archaic form, as their normal tongue but by far the greater number of aborigines have their own distinctive language in which they converse amongst themselves ”.*

Namun situasi ini dilihat berubah selepas kemerdekaan di mana hampir 90% antara mereka boleh bertutur dalam bahasa Malaysia yang dianggap bahasa kedua mereka (Ishak Ramli, 1979). Tetapi kebanyakan Orang Asli yang berumur lebih daripada lima puluh tahun masih mengekalkan tradisi bahasa ibunda mereka sendiri dan hanya tahu bertutur sepatah dua bahasa Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun golongan tua ini memahami apa yang dipertuturkan oleh orang lain yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantara. Bagi generasi muda pasca merdeka mereka dilihat mampu menguasai bahasa Melayu sepenuhnya dan menggunakan bahasa Malaysia apabila berhubung dengan orang luar (Ishak Ramli, 1979).

Situasi ini dilihat sehingga sekarang dimana kebanyakan Orang Asli dilihat fasih bertutur dalam bahasa Malaysia dan mereka dilihat memilih untuk bertutur dalam bahasa Malaysia apabila berhubung dengan masyarakat luar. Bahasa Malaysia juga dijadikan sebagai bahasa pengantar apabila mereka berhubung sesama mereka yang berlain suku bangsa sekiranya tidak dapat memahami bahasa ibunda masing-masing.

G. Benjamin (1976) telah membuat satu lagi pembahagian Orang Asli iaitu berdasarkan bahasa yang digunakan oleh Orang Asli itu sendiri. Beliau telah membahagikan Orang Asli itu kepada tiga kumpulan bahasa atau dialek. Pertama kumpulan Aslian Utara yang

terdiri daripada kumpulan kecil Orang Asli seperti Kensiu, Kentaq Bong, Jahai, Mendriq, Bateq Deq, Mintil dan Che Wong. Seterusnya yang kedua ialah Aslian tengah yang terdiri daripada Lanoh Yir, Lanoh Jeng-Jeng, Semnam, Sabum, Temiar, Semai dan Jahut. Kumpulan yang ketiga pula dikenali sebagai Aslian Selatan yang terdiri daripada kumpulan Semoq Beri, Temoq, Semelai, Mahmeri, Temuan, atau Beladas dan Jakun.



**Rajah 1.8.2: Penggolongan Bahasa Orang Asli Menurut Benjamin**

Berdasarkan pembahagian yang dibuat oleh Benjamin dalam rajah di atas, telah memperlihatkan bahawa bahasa Negrito yang merupakan kumpulan terkecil terletak di bahagian utara, Senoi di tengah dan Melayu Proto di selatan Malaysia. Pembahagian bahasa ini juga menurut Abdullah Hassan (1969), adalah selari mengikut pengelompokan tiga kumpulan utama yang telah diterima umum iaitu bahasa Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Menurut beliau lagi setiap bahasa ini mengandungi kumpulan dialek masing-masing

Berikut ini diperturunkan contoh-contoh perkataan beberapa bahasa suku bangsa Orang Asli sebagai perbandingan:

**Jadual 1.8.3: Bandingan Bahasa**

<b>B.Kentaq (Negrito)</b>	<b>B. Jahut (Senoi)</b>	<b>B. Kanaq (Melayu Proto)</b>	<b>B. Melayu</b>
Tebak	Menak	Besagh	Besar
Betun	Cereng	Panjang	Panjang
Cenhen	Menak	Libe	Lebar

(Sumber : Data pengkaji bagi bahasa Kentaq dan data daripada *Kamus Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli* 2011)

Dalam konteks hubungan dengan bahasa Melayu pula, bahasa-bahasa Asli dan bahasa Melayu merupakan turunan dua rumpun yang berbeza. Namun, walau bagaimanapun kumpulan bahasa orang Asli dari suku Melayu Proto dilihat lebih mirip bahasa Melayu. Bahasa ini terpisah di peringkat filum lagi di mana bahasa Asli berada dalam rumpun Austroasia dan bahasa Melayu berada dalam rumpun Austronesia. Anggaran terpisah antara kedua-dua bahasa adalah sekitar 50 hingga 75 abad.

**Jadual 1.8.4 : Tingkat Kekerabatan**

Tingkat kekerabatan	Abad pisah	Peratus kata berkognat
Bahasa	0-5 abad	100-81 kata
Keluarga bahasa	5-25 abad	81-36 kata
Rumpun bahasa	25-50 abad	36-12 kata
Mikrofilum	50-75abad	12-4 kata
Mesofilum	75-100 abad	4- 1 kata
Makrofilum	100 abad ke atas	Kurang daripada 1 kata

(Sumber: Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof (2011) disesuaikan daripada Gudschinsky, 1964)

### **1.8.2 Klasifikasi Masyarakat Orang Asli di Malaysia Suku Kaum Negrito.**

Menurut Jimin Idris (1968) dalam Mohd Fauzi Harun (2009), Suku kaum Negrito merupakan keturunan daripada manusia prasejarah yang digelar *Austro- Melanesian* yang dikatakan berhijrah ke Asia Tenggara daripada negara China, tujuh ribu hingga sepuluh ribu tahun dahulu. Malah ada juga yang mendakwa kaum Negrito telah pun berada di Semenanjung Malaysia sejak dua puluh lima ribu tahun dahulu. Berpandukan penemuan arkeologi terbaru, suku bangsa Negrito didapati mempunyai hubung kait yang rapat dengan orang Hoabin, yang hidup pada zaman 8000 Sebelum Masihi (Bellwood, 1997). Andaian ini turut disokong oleh Nicholas (2000). Namun begitu, sejarah kewujudan kaum ini adalah masih kurang jelas kerana ketiadaan dokumen bertulis yang didapati mengenai kewujudan mereka di Semenanjung Malaysia.

Jika dilihat dari sudut saintifik pula, suku Negrito didapati menyerupai golongan Negrito di Filipina dan Pulau Andaman kerana mempunyai kumpulan darah A yang melebihi B dan kumpulan darah O yang sangat tinggi (kehadiran gen R) (Osman Ali, 2005) dan ini juga pernah dinyatakan oleh Carey (1976) dalam buku beliau "*Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*" bahawa suku kaum Negrito yang terdapat di Semenanjung Malaysia mempunyai perhubungan yang rapat dengan penduduk asli "Mincopies" dari Kepulauan Andaman di Teluk Benggala dan kaum asli "Aeta" di Filipina.

Namun, menurut Osman Ali (2005), terdapat bukti percanggahan tentang asal usul Orang Negrito, kerana di dapati ketiadaan *tret sel sikle* berbeza dengan kaum Negro di Afrika dan walau bagaimanapun, kehadiran gen Rhesus (*cDe*) dan kumpulan darah

*Duffy* yang tinggi di kalangan kaum ini sebaliknya menyerupai kaum Negro terutamanya kaum Pigmi di Afrika.

Keadaan fizikal masyarakat ini juga dilihat mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan masyarakat Negro di Barat seperti berambut kerinting yang tumbuh rapat di kulit kepala, bermata bundar, hidung yang lebar, bibir tebal, tulang pipi yang timbul, berkulit gelap namun sedikit pendek iaitu hanya lima kaki atau kurang daripada itu. Berdasarkan ciri-ciri yang wujud ini, suku Negrito juga pernah di gelar sebagai “little Negro” oleh para pengkaji Barat yang kemudiannya ditukar kepada gelaran Negrito.

Selain dikenali dengan gelaran Negrito, suku ini juga pernah dikenali sebagai suku Semang yang membawa maksud “hamba hutang” dan Pagan yang membawa maksud “tidak beragama”. Gelaran Semang telah digunakan terhadap Orang Asli yang mendiami beberapa kawasan di Perak manakala Pagan pula merujuk kepada Orang Asli yang mendiami beberapa kawasan hutan di Kelantan. Namun begitu kerana istilah yang membawa maksud yang kurang elok ini tidak disenangi oleh kaum tersebut, maka istilah Negrito telah diguna pakai sehingga ke hari ini.

Dari segi penempatan pula, kaum ini tinggal di kaki-kaki bukit sepanjang banjaran gunung di Semenanjung Malaysia dan menurut Carey (1976) mereka adalah satu-satunya Orang Asli di Malaysia yang tidak tahu bercucuk tanam. Orang Negrito juga tidak mempunyai rumah dan hidup secara berpindah-randah (nomad). Mereka mendirikan pondok-pondok (shelter) yang diperbuat daripada dahan-dahan kayu dan beratapkan daun palas dan sang, sebagai tempat perlindungan sementara. Selain daripada itu mereka juga mendapat perlindungan sementara daripada gua-gua batu dan di atas pokok-pokok kayu (H.N Evan, 1937 dalam Ishak Ramli 1979).

Namun kini, berdasarkan usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan melalui program pengumpulan semula (RPS), masyarakat Orang Asli Negrito tidak lagi hidup berpindah-randah dan tidak lagi menjalani kehidupan cara lama mereka. Usaha ini telah bermula pada akhir tahun 1970-an di mana masyarakat Asli yang hidup bertaburan dan terpisah-pisah dikumpul dan ditempatkan dalam satu kawasan atau skim tanah atau perkampungan. Rancangan penempatan ini juga dilengkapi dengan aktiviti pertanian terancang berasaskan model seperti FELCRA atau FELDA (Mustaffa Omar, 2008). Selain terlibat dalam aktiviti pertanian terancang, masyarakat Orang Asli Negrito masih lagi mewarisi pekerjaan tradisional mereka iaitu berburu dan memungut hasil hutan.

Dari segi bilangan pula, suku Negrito merupakan suku terkecil berbanding kelompok Asli yang lain dan berdasarkan banci yang dibuat oleh pihak JHEOA pada tahun 2012, jumlah suku Negrito hanya 5009 orang iaitu hanya 2.81% daripada jumlah keseluruhan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

## **Suku Kaum Senoi**

Masyarakat Orang Asli Senoi merupakan masyarakat Asli yang mendiami lereng Titiwangsa iaitu di pedalaman Negeri Perak, Kelantan dan Pahang. Menurut Carey (1976) perkataan Senoi berasal daripada bahasa Temiar yang bermaksud “orang”.

Berkaitan teori kedatangan suku Senoi, didapati beberapa percanggahan pendapat mengenainya. Antaranya pendapat yang dikemukakan oleh Schmid dalam Mohd Fauzi Harun (2009) yang mengatakan bahawa suku ini adalah “Mon-Khmer” yang mempunyai pertalian dengan suku bangsa di pergunungan Vietnam dan Kemboja. Dakwaan ini berasaskan kepada persamaan dialek kaum Senoi dengan bahasa Kemboja.

Pendapat kedua pula yang dikemukakan oleh Winstedt telah mengatakan bahawa kaum Senoi mempunyai perkaitan yang rapat dengan kaum Asli Australia dan “Vedda” iaitu suku bangsa dari Sri Lanka dan Selatan India (Skeat dan Blagden, 1906).

Berdasarkan kedua-dua pendapat ini, pendapat pertama lebih dipersetujui oleh para pengkaji. Carey (1976) misalnya mengatakan bahawa kaum Senoi di Semenanjung Malaysia lebih mirip kepada suku bangsa di Kemboja kerana Suku Senoi dilihat mempunyai dialek atau bahasa yang hampir sama dengan Kemboja. Di samping itu ciri-ciri fizikal dan perawakan Senoi juga lebih menyerupai suku bangsa di Kemboja dan Vietnam berbanding kaum Asli di Australia ataupun Vedda yang berkulit gelap dan berambut keriting. Kaum Senoi di Malaysia berkulit lebih cerah (kekuningan atau coklat) malah lebih cerah daripada orang Melayu (Mohd Fauzi Harun dan Nor aini Idris, 2009).

Penafian terhadap pendapat kedua ini juga telah mendapat bukti saintifik apabila didapati bahawa kumpulan darah Orang Senoi mempunyai darah kumpulan B yang tinggi dan kumpulan A yang rendah yang mana menyerupai corak kumpulan darah suku kaum Orang Asli di Sumatera, Taiwan dan Filipina (monggoloid). Kehadiran darah S pada Orang Senoi membezakannya dengan kumpulan Orang Asli Australia dan Papua (Osman Ali, 2005).

Kaum Senoi juga pernah digelar sebagai “Sakai” oleh para pengkaji barat. Oleh sebab “Sakai” membawa maksud “hamba” maka pihak JHEO telah menggugurkan istilah tersebut dan digantikan dengan perkataan Senoi (Mohd Fauzi Harun, 2009). Masyarakat Senoi adalah masyarakat yang cenderung kepada pertanian. Selain itu masyarakat Senoi juga turut menjalankan aktiviti berburu dan menangkap ikan untuk mempelbagaikan hasil sumber makanan.

Dari segi jumlah penduduk pula, masyarakat Senoi merupakan kaum terbesar dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Berdasarkan bancian terbaru yang dibuat oleh pihak JHEOA pada tahun 2012 masyarakat Senoi yang terdapat di Malaysia adalah seramai 97856 orang iaitu 54.9% daripada jumlah keseluruhan masyarakat Orang Asli.

## Suku Kaum Melayu Proto

Orang Melayu Proto merupakan orang Asli yang mendiami Barat Semenanjung Malaysia. Mereka juga dikenali sebagai Melayu Pagan dan Jakun. Menurut Carey (1976) suku ini merupakan Orang Asli yang paling akhir datang ke Malaysia iaitu sekitar empat ribu tahun dahulu. Mereka dikatakan berasal dari pedalaman Asia dan tiba di Malaysia melalui Yunnan dan Indo-China (Jimin Idris, 1968).

Orang Melayu Proto mempunyai hubungan yang rapat dengan Orang Melayu. Oleh kerana tinggal berhampiran dengan Orang Melayu, mereka turut mengamalkan gaya hidup seperti Orang Melayu. Dari segi fizikal, Melayu Proto juga adalah mirip kepada Orang Melayu. Mereka berambut lurus dan berkulit dari coklat cerah kepada coklat gelap (Carey, 1976). Dari segi jumlah penduduk pula Orang Melayu Proto merupakan suku kedua terbesar selepas suku Asli Senoi iaitu seramai 75322 orang berdasarkan data yang telah dikeluarkan oleh pihak JHEOA pada tahun 2012.

Berdasarkan huraian yang diberikan, dapatlah dikatakan bahawa masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia sebenarnya bukanlah masyarakat homogen kerana setiap suku kaum Orang Asli memiliki bahasa nilai tradisi, pandangan dunia dan sejarah mereka sendiri.

### 1.9 Orang Asli Kentaq di Pengkalan Hulu Perak

Orang Asli Kintak merupakan suku Asli daripada rumpun bangsa orang Asli Negrilo yang dikenali juga sebagai kaum Semang oleh para pengkaji terdahulu. Antara gelaran lain yang digunakan terhadap suku ini adalah seperti Tak, Kentok, dan Kintok. Walaupun kini mereka lebih dikenali sebagai orang Asli Kintak, namun pengkaji pernah ditegur berkaitan cara menyebut nama suku mereka. Menurut salah seorang informan yang ditemui sebutan yang betul bagi gelaran kaum mereka ialah Kentaq [kəntaq]. Data yang diperoleh daripada <https://www.ethnologue.com> juga menggunakan ejaan *Kintaq* sebagai rujukan kepada kaum Kintak yang mendiami utara Semenanjung Malaysia. Justeru itu, bagi menghormati kumpulan etnik yang dikaji, pengkaji akan menggunakan ejaan Kentaq bagi penyelidikan ini.

Suku Kentaq juga secara khususnya terbahagi kepada beberapa sub kumpulan, antaranya yang dikenal pasti adalah Kentaq Bong dan Kentaq Nakil <http://adatbudayapermata.blogspot.com>. Kaum ini juga pernah terpecah kepada dua puak dan dikenali sebagai Puak Tanah Hitam dan Puak Tasek (Schuici Nagata. Dll ,1976). Gelaran yang pernah digunakan oleh Schuici Nagata ini mungkin dipengaruhi oleh faktor penempatan Orang Asli Kentaq pada waktu tersebut yang terletak di Tanah Hitam dan Tasek. Kawasan Tanah Hitam masih boleh dilihat sehingga kini di mana lokasinya terletak di persekitaran simpang menuju masuk ke Kampung Bukit Asu yang menjadi tempat kediaman Orang Asli Kentaq sekarang. Orang Kentaq biasanya memilih kawasan pamah berhampiran dengan sungai yang masih kaya dengan spesis-spesis tumbuhan, haiwan buruan serta ikan yang menjadi sumber makanan dan ekonomi mereka. Walaupun mereka diberitakan pernah tinggal bertaburan di utara Semenanjung, khususnya dalam wilayah dari Sungai Kerumi di Utara Grik memanjang



di Simpang Empat di Baling dan melebar ke bahagian sisi garisan ini sehingga ke Air Panas di Keroh, namun kini, suku Kentaq hanya dikenali sebagai satu kumpulan kaum sahaja iaitu Orang Asli Kentaq dan Kampung Bukit Asu, Pengkalan Hulu Perak yang merupakan satu-satunya penempatan bagi kaum ini. Kampung ini kini boleh dihubungi dengan semua jenis kenderaan darat, kecuali kenderaan pacuan empat roda diperlukan dalam keadaan-keadaan tertentu. Ianya terletak kira-kira 25 kilometer dari bandar Grik menghala ke bandar Keroh, 20 kilometer melalui jalan utama hingga ke persimpangan lombong lama di Kelian Intan dan 5 kilometer melalui jalan tanah merah dari simpang berkenaan. Kampung ini berjiran dengan penempatan masyarakat Melayu di utara dan penempatan masyarakat Siam di selatan.

Dari segi sejarah kedatangan suku ini ke Malaysia, ia dilihat sama seperti kedatangan kaum Negrato yang lain. Mereka juga dikatakan antara orang Asli terawal yang berada di Malaysia iaitu sekitar tujuh ribu hingga sepuluh ribu tahun dahulu. Orang Asli Kentaq juga dikatakan terdapat di Thailand namun tiada data khusus yang mengesahkan kewujudan kaum ini di negara berkenaan. Melalui hasil tinjauan kajian yang dibuat oleh pengkaji ke Betong Thailand dan Perkampungan Ulu Legong, Baling, Kedah, kelompok orang Asli yang berada di sempadan Thailand- Malaysia, rata-rata adalah berketurunan Kensiu dan ada di antara mereka yang masih mempunyai pertalian kekeluargaan yang rapat dengan penduduk Orang Asli Kensiu yang tinggal di sekitar Ulu Legong sehingga kini. Bahasa pertuturan mereka adalah bahasa Asli Kensiu dan bahasa Siam. Namun jumlah mereka adalah amat sedikit.

Di Malaysia, hanya terdapat sebuah perkampungan khusus yang menempatkan suku kaum ini iaitu Kampung Bukit Asu yang terletak di Pengkalan Hulu Perak yang didiami lebih kurang 50 buah keluarga dengan jumlah rumah PPRT sebanyak 38 buah (JAKOA, 2015). Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pihak JAKOA, Grik pada 2015, bilangan terkini penduduk Kampung Bukit Asu adalah seramai 212 orang (Rujuk Lampiran). Namun jumlah tersebut merangkumi keseluruhan penduduk, dan tidak hanya melibatkan suku Asli daripada etnik Kentaq sahaja. Ada di antara mereka yang terdiri daripada suku Jahai, Semnam, Kensiu, Siam dan juga Melayu. Perkahwinan campur yang berlaku telah menggalakkan migrasi suku atau bangsa lain ke perkampungan berkenaan.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Ketua Kaum Kentaq yang dikenali sebagai Batin Halipon Bin. Saad, pengkaji telah membuat perincian terhadap data yang diterima untuk mengenal pasti jumlah sebenar suku Asli Kentaq yang terdapat di Kampung berkenaan. Perincian yang telah dibuat, menunjukkan hanya 146 orang sahaja penduduk yang terdiri daripada Orang Asli Kentaq. Anak-anak yang lahir daripada keluarga yang berkahwin campur akan dikira sebagai Etnik Kentaq sekiranya salah seorang daripada ibu bapanya berketurunan Kentaq. Pendefinisian terhadap Asli Kentaq ini selari dengan sebahagian Akta 134 yang mendefinisikan Orang Asli iaitu:

- a) Mana-mana orang yang bapanya adalah dari rumpun bangsa Orang Asli yang bercakap dalam bahasa Orang Asli yang lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan. Ini termasuklah keturunan Orang Asli itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil

sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

b) Anak dari apa-apa persatuan antara seseorang perempuan Orang Asli dengan seseorang lelaki dari kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli yang adat dan kepercayaan Orang Asli yang masih lagi menjadi seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

Pengecilan jumlah berbanding seramai 194 orang sahaja pada tahun 2012 (JHEOA, 2012) memperlihatkan penyusutan yang sangat kritikal.

Selain daripada Bukit Asu, terdapat juga masyarakat orang Asli Kentaq yang telah berhijrah. Faktor perkahwinan antara penyebab penghijrahan berlaku. Antara perkampungan lain yang dikesan terdapat Orang Asli Kentaq adalah di perkampungan Ulu Lengong yang menjadi penempatan Orang Asli Kensiu. Namun walau bagaimanapun jumlah mereka tidak dapat dikenal pasti.

Dari segi fizikal pula Orang Asli Kentaq dilihat turut mempunyai persamaan dengan rumpun bangsa Negrito yang lain. Kaum lelaki dan wanita Kentaq mempunyai tubuh yang agak rendah (anggaran lelaki 150 sentimeter dan wanita 140 sentimeter) serta kecil tetapi gempal. Berkulit perang gelap, kadangkala terdapat yang berkulit perang kemerah-merahan, malahan ada yang berkulit hitam berkilat. Berambut kerinting halus, pendek (lelaki tidak melebihi 3 inci dan wanita antara 9 inci sehingga 1 kaki panjang) dan berwarna gelap atau perang kemerah-merahan. Berdahi rendah dan bulat. Berhidung pendek, rata dan kembang. Bertulang pipi agak luas dengan anak mata berwarna perang gelap atau hitam. Berdagu kecil dan bulat. Bermulut agak luas dan bibir sederhana tebal (sumber :<http://www.perakgis.my/jakoa>).



**Rajah 1.9.1: Gambar Remaja Kaum Orang Asli Kentaq**  
(Sumber: Koleksi Gambar Pengkaji)

Orang Kentaq pada suatu ketika dahulu merupakan kaum nomad yang suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Namun, semenjak kerajaan memberi penumpuan pembangunan kepada rakyat, kini Orang

Kentaq sudah memiliki kampung halaman mereka sendiri dan mampu untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Kebanyakan Orang Asli Kentaq masih mengamalkan aktiviti berburu, bertani dan mengutip hasil hutan. Antara hasil hutan yang dikumpulkan oleh masyarakat ini adalah seperti Kacip Fatimah, Bunga Pakma, dan Kulat Susu Harimau yang difahamkan sangat bagus untuk wanita yang kemudiannya dijual kepada peraih Cina. Di samping itu ada juga di antara mereka yang bekerja dengan tauke-tauke Cina dan di perusahaan-perusahaan yang berhampiran dengan penempatan mereka. Bagi aktiviti pertanian pula, mereka telah diberikan bantuan oleh beberapa pihak antaranya oleh JAKOA dan Majlis Pertanian Parlimen Gerik. Antara bantuan pertanian yang diberi seperti tanaman pisang dan peralatan pertanian, tanaman cili dan set perlatan, benih limau nipis dan bantuan benih getah ( JAKOA Grik, 2015).

Dari sudut adat, Orang Asli Kentaq dilihat masih memiliki beberapa adat yang diwarisi. Adat perkahwinan yang ada dilihat sama seperti adat masyarakat yang lain. Bagi yang beragama Islam, akad nikah akan dijalankan seperti dianjurkan oleh agama Islam dan yang tidak beragama Islam pula hanya memerlukan restu keluarga untuk menjadi pasangan suami isteri. Mereka juga memberi hantaran kepada bakal pasangan mengikut kadar kemampuan serta beberapa hantaran lain berupa pakaian dan makanan. Adat unik yang dilihat wujud dalam kaum Orang Asli Kentaq ialah adat melibatkan mertua dan menantu. Mertua dan menantu dilarang sama sekali untuk bertegur sapa dan duduk berhampiran antara satu sama lain. Adat ini terpakai kepada menantu lelaki dan ibu mertua dan menantu perempuan dan ayah mertua serta abang ipar. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, kebanyakan ahli kaum ini sangat mematuhi adat ini kerana dibimbangi akan menerima nasib yang tidak baik jika mengingkari adat ini.


Adat lain yang ada ialah sewang. Walau bagaimanapun, adat ini dilihat semakin hilang dalam kalangan mereka. Generasi baharu dilihat kurang arif dan kebanyakan mereka yang tidak tahu bersewang. Sewang hanya dilakukan oleh beberapa orang yang tertentu sahaja dan dilihat lebih kepada aktiviti memuja 'semangat' dan dilakukan pada waktu-waktu tertentu sahaja seperti waktu berlakunya kematian. Antara bahan yang digunakan ketika aktiviti sewang dibuat adalah seperti buluh dan kayu yang digunakan sebagai alat muzik dan tampok atau topi yang diperbuat daripada anyaman atau kulit pokok.

Adat yang seterusnya adalah ialah adat yang melibatkan kematian. Bagi yang beragama Islam mereka akan dikebumikan mengikut cara Islam dengan bantuan pegawai JAKIM. Bagi yang bukan Islam, jenazah si mati akan dikafankan dan dibawa ke kubur seterusnya setelah dikebumikan, sejenis pokok yang dipanggil 'bonglai' akan ditanam dibahagian atas kubur (bahagian kepala). Bonglai terlebih dahulu akan dibacakan jampi serapah oleh bomoh. Ini bertujuan untuk memastikan roh si mati tidak ikut pulang ke rumah apabila telah dikebumikan.

Biasanya apabila berlaku kematian, sanak-saudara si mati yang jauh dan dekat, penghulu serta penduduk kampung akan diberitahu. Penghulu sebagai ketua adat akan mengatur kerja-kerja pengurusan mayat dan upacara pengebumian. Bagi menghormati si mati, segala kegiatan harian masyarakat pada hari berkenaan akan ditangguhkan.

Larangan ini jika diingkari dipercayai roh si mati akan marah dan akibatnya akan ditimpa malapetaka. Mayat biasanya tidak dikebumikan pada hari kematian kerana ingin memberi peluang kepada saudara mara si mati yang jauh hadir untuk memberi penghormatan terakhir. Pada malamnya, di rumah si mati sanak saudara dan penduduk kampung akan bergilir-gilir akan menjaga mayat sehingga keesokan harinya, tujuannya bagi mengelakkan mayat manusia tersebut diganggu oleh hantu. Mayat juga ditegah diumpat keji serta dilangkah oleh manusia dan binatang kerana dikhuatiri mayat tersebut akan bangkit dan mengganggu penduduk kampung. Pada keesokan harinya, di tanah perkuburan kerja-kerja menggali lubang kubur dan mencincang buluh dijalankan. Sementara itu dirumah, mayat dimandikan. Kemudian dipakaikan pakaian yang lengkap, seterusnya kedua-dua belah tangan dan kaki dibengkokkan atau dilipat ke arah hadapan badan sehingga bahagian jari-jemari tangannya berada betul-betul dibawah dagu dan kepala lututnya mencecah dada. Akhir sekali mayat dibungkus dengan kain batik lepas yang baru dan diikat kemas supaya senang diusung ke kubur. Bagi mengelakkan gangguan binatang dan sebagainya, mayat biasanya ditanam sedalam empat atau lima kaki serta mempunyai lahad. Mayat akan diletakkan dalam dan kemudian lahad ditutup dengan buluh cincang terlebih dahulu sebelum dikambus. Di atas kubur, pondok pisang sesikat dibina untuk menaunginya. Sebagai tanda sepasang kayu yang telah dijampi oleh Tok Bomoh dipacakkan di bahagian kepala dan kaki kubur berkenaan. Segala barang-barang kesayangan si mati diletakkan di atas kubur. Bagi mengingati si mati serta dipercayai roh si mati juga memerlukan makanan dan rokok (jika si mati hayatnya merokok) juga diletakkan bersama. Sebelum meninggalkan kubur, bapa atau orang tua si mati akan meninggalkan pesanan-pesanan yang baik kepada si mati. Kenduri kecil akan diadakan pada malam berkenaan. Tujuh hari selepas itu kenduri berserta sewang secara sederhana pula diadakan. Kedua-dua kenduri tersebut bertujuan menjamu si mati. Pada hari keempat puluh, kenduri dan sewang secara besar-besaran akan diadakan, tujuannya selain untuk menjamu si mati dan juga menandakan tamat tempoh berpantang bagi seluruh penduduk kampung berkenaan. Pasangan si mati dan keluarganya dilarang berhias dan bersuka ria dalam tempoh berpantang selama empat puluh hari. Manakala penduduk kampung hanya dilarang bersuka ria dalam tempoh tersebut (sumber: <http://edika93.blogspot.my/2011/08/suku-kaum-Kentaq.html>).

Kumpulan Orang Asli Kentaq juga dilihat sama seperti kumpulan Asli yang lain. Kumpulan kecil ini diketuai oleh seorang ketua yang lebih dikenali sebagai batin dalam kalangan mereka. Batin dilantik melalui undian dan pilihan masyarakat mereka dan dipersetujui oleh pihak JKOA. Batin yang telah dipilih akan melaksanakan tugas seperti ketua kampung. Batin kemudiannya dibantu oleh para pembantu yang dilantik atas persetujuan bersama. Berikut diturunkan rajah organisasi bagi masyarakat Kentaq.



**Rajah 1.9.2: Carta Organisasi Etnik Orang Asli Kentaq**

Dari segi agama, majoriti kaum Asli Kentaq adalah beragama Islam dan ada sebahagian masih memiliki kepercayaan animisme. Namun walau bagaimanapun bagi yang beragama Islam kebanyakan dari mereka tidak mengamalkan Islam sepenuhnya dalam kehidupan mereka. Mereka dilihat masih terikat dengan kepercayaan nenek moyang dan ada di antara mereka yang kabur apabila disoal oleh pengkaji berkaitan agama yang dianuti. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada seorang pendakwah yang dikenali sebagai Ustaz Khairul Solleh yang di tempatkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di kampung berkenaan, kebanyakan suku Kentaq 90 % adalah beragama Islam. Walaupun banyak usaha-usaha yang cuba dilakukan kan oleh pihak JAKIM, namun dilihat masih kurang berhasil. Ini kerana mereka masih mengamalkan cara hidup dan sukar meninggalkan amalan-amalan yang dilarang dalam Islam seperti minum arak dan sebagainya lagi.

Seperti kepercayaan suku kaum Negrito yang lain, secara tradisinya masyarakat Kentaq juga menonjolkan lambang kuasa Tok Batin, Karei dan Ceno. Mereka terlalu menghormati, patuh dan takut kepada ketiga-tiga lantaran kuasa mereka miliki dipercayai terlalu tinggi, luar biasa dan sifat kekal. Ceno mempunyai kelebihan sihir dan pakar dalam kesegala kebaikan. Ia sering dirujuk oleh masyarakat dan disama tarafkan seperti tuhan atau sultan. Fungsinya mengawal masyarakat dan kemarahannya akan dijelmakan melalui petir dan kilat.

Dari segi bahasa pula, bahasa yang dituturkan hampir sama seperti bahasa masyarakat Asli Kensiu yang mendiami Kampung Lubuk Legong, Baling, Kedah. Hal ini mungkin kerana kedua-dua suku ini berada dalam kelompok orang Asli yang sama iaitu Negrito. Perkahwinan yang berlaku sesama suku kaum ini juga mungkin lebih mendekatkan lagi hubungan bahasa antara kedua-dua suku ini. Bahkan penghulu yang dikenali sebagai Batin Halipon yang menjadi ketua kaum Kentaq juga berasal dari suku Kensiu.


**Jadual 1.9.1: Antara Contoh Persamaan Bahasa**

Bahasa Melayu	Bahasa Kentaq	Bahasa Kensiu
Ibu	nak [naʔ]	nak [naʔ]
Ayah	ei [ey]	ei [ey]
Lelaki	Temkal [təmkal]	Temkal [təmkal]
Perempuan	Mabe [mabe]	Mabe [mabe]

(Sumber : Data pengkaji dan Kamus *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli 2011*)

Bahasa suku kaum Kentaq ialah dari rumpun Austroasia dan berbeza daripada bahasa Melayu yang berasal daripada rumpun Austronesia. Menurut Asmah (2008) Istilah Austroasia membawa maksud “Asia Selatan” dan rumpun ini terdiri dari bahasa-bahasa Cham dan Mon-Khhmer yang semuanya terdapat di daratan Asia, bahagian Selatan. Dan menurut beliau lagi rumpun ini juga termasuk juga sebahagian bahasa-bahasa Orang Asli di Malaysia. Berdasarkan kepada teori yang ada ini, bahasa Kentaq dikatakan tergolong sebagai penutur rumpun Mon-Khmer yang merupakan

sebuah keluarga bahasa di Asia Tenggara. Sama seperti Bahasa Munda di India, kedua-dua bahasa ini merupakan dua cawangan utama bagi keluarga bahasa Austroasia.



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Sukor Saari et.al. (2011). Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Malay Language Journal Education (MyLEJ)* ISSN: 2180- 4842, Vol. 1, Bil. 2 (Nov. 2011): 59-70.
- Abdullah Hassan. (2007). *BML 4103 Sociolinguistik dan Pengajaran Bahasa Melayu*. Diakses daripada <http://sosiolinguistik.blogspot.com>
- Anna-Liisa Vasko. (2010). Volume 4- Cambridgeshire Dialect Grammar diakses daripada [http://www.helsinki.fi/varieng/series/volumes/04/articleA\\_male\\_female.html](http://www.helsinki.fi/varieng/series/volumes/04/articleA_male_female.html)
- Abdullah Hassan. (1969). *Satu Kajian Fonologi-morfologi Bahasa Orang-orang Melayu Asli, Dialek Temuan*. Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Adi Yasran Abdul Aziz, *Definisi dan Ciri Bahasa: Monograf Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu Bahasa Wahana Ilmu bil. 1*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Jabatan Bahasa Melayu:Universiti Putra Malaysia.
- Ajid Che Kob. (1990). *Kajian Sociolinguistik Bahasa Melayu: Satu Tinjauan*. Jurnal Dewan Bahasa. Jilid 34 Bil. 12. Disember 1990. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Ajid Che Kob. (1984). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alberto G. Gomes. (2007). *Modernity and Malaysia Settling the Menraq Forest Nomad*. USA: Routledge.
- Ananda Ramon Govindasamy (2015) *Metodologi Penyelidikan: Asas Penulisan Tesis. Sabah*: Universiti Malaysia Sabah.
- Arbak Othman. (1983). *Permulaan ilmu Lingustik: Suatu Pengenalan konsep dan bidang kajian teoritis*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar. (1976). *The Verb In Kentaq Bong*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1993a). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993b). *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Melayu. Edisi 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1995). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk (Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah Kajian Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2006a). *Bahasa Melayu di Samudera, Benih yang Baik Menjadi Pulau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2006b). *Kaedah Kajian Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E. (2007). *The Practice of social research. (11<sup>th</sup> Ed)*. Belmont: Wadsworth.

- Berg. B.L. (2004). *Qualitative Research Methods for the Social Science* (ed.5) . Boston: Person Education.
- Bernard Spolsky. (1998). *Sociolinguistic*. New York: Oxford University Press.
- Benjamin, G. (1976). Austroasiatic Subgroupings and Prehistory in the Malay Peninsular. Dlm. Jenner. P., Thompson L.C. dan Starosta S., (pnyt). *Austroasiatic Studies: 37-128*. Honolulu: University o Hawaii Press.
- Bishop, N. M. (2001). *Sociolinguistic aspects of Northern Aslian languages: A Case Study of Kensiu (Kensiu) [Baansakai Yala, Thailand]*. In Reza Rashid & Wazir Jahan Karim, *Minority Cultures of Peninsular Malaysia: Survivals of Indigenous Heritage*, AKASS.
- Berzinger et al. (2003). Dalam Noriah Mohamed (2016) *Pelestarian Turunan, Penelusuran Moyang: Pengadunan Sociolinguistik dan Linguistik Sejarah dalam Pendokumentasian Bahasa Peribumi*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Carey, Iskandar. (1970a) A Mendrik Vocabulary. *Federation Museums Journal*, Volume XV, New Series. Kuala Lumpur: Museums Department, pp. 185-192.
- Carey, Iskandar. (1970b) *Some Notes on The Sea Nomads of Johor*. *Federation Museums Journal*, Volume XV, New Series. Kuala Lumpur: Museum Department, pp 181- 184.
- Carey, Iskandar. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chambers, J.K. & Trudgill, p. Terj. (1990). *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yan Piaw. (2006a). *Asas Statistik Kajian, KAEDAH DAN STATISTIK KAJIAN BUKU 2*. Malaysia: McGraw-Hill
- Chua Yan Piaw. (2006b). *Kaedah dan Statistik Kajian, KAEDAH KAJIAN BUKU 1*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Corlett Grinevald. (1998) *Language Endangerment in South America: a programmatic approach*. United Kingdom: Cambridge University Press
- David Crystal. (2002). *Language Death*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Dorian, N. C. (1980). Language Shift in Community and Individual: The Phenomenon of Laggard Semi-Speaker. *International Journal of Sociology of Language* 25: 85-94. New York: University of Pennsylvania Press.
- Dorian, N.C. (1989). *Investigating Obsolescence: Studies in Language Contraction and Death*. New York: Cambridge University Press.
- Eckert, P. (1997). *Age as a Sociolinguistic Variable*. Dlm. F. Coulmas (Peny.) *The Handbook o Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell, hlmn 151-167.
- Eda Derhemi. (2002). *Thematic Introduction: Protecting Endangered Minority Language: Sociolinguistik Perspektif*- Volume. 4. No. 2, *International Journal on Multicultural Societies (IJMS)*.
- Er Ah Choy et al. (2010). *Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Hutan Simpan Lagong, Selngor, Malaysia*. *Jurnal Melayu* (5) 2010: 295- 314.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. (Ed). (1995). *Simposium dialek: kajian dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dwan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Nazir dan Mariah Alias. (2013). *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Selangor: Sasbadi.



- Fawcett, James. (1996). The International Protection Minorities. Dalam *Reading on Minorities: Perspectives and Documents*. Jil. 1. New Delhi: Institute of Objectives Studies.
- Fishman, J.A. (1991). *Sosiologi bahasa. (terjemahan)*. Alias Mohamad Yatim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Gudschinsky, S (1964). *The ABC's of lexicostatistics (glottochronology)*. Di dalam Dell Hymes. *Language in Culture and Society, a Reader in Linguistic and Antropolgy*. New York: Harper Row.
- Harishon Radzi, Fazal Muhamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2012). *Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito Menerusi Pengimbuhan dan Peminjaman Kata*. *Gema Online*. Journal of Language Studies, Volume 12(3), Special Section, September 2012.
- Hood Salleh. (1976) *Morality and Restraint Among Semelai of Malaysia*. In Nascent Malaysian Society, H.M. Dahlan (ed), 53-70. Kuala Lumpur: Jabatan Antropolgi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hood Salleh. (1986). Orang Asli sebagai bahan berita, 1974- 1986. Duplicated. University Kebangsaan Malaysia: Kumpulan Pengajian Orang Asli.
- Hood Salleh. (1989). Arah dan Peranan Orang Asli dalam Masyarakat Moden. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hartimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia
- JAKOA. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: Penerbit JAKOA.
- James T. Collins. (2007). *Penghayatan Ilmu Linguistik melalui Pemetaan Dialek Melayu Sealam Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James T. Collins. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jespersen, Otto. (1922). *Language: Its Nature, Development and Origin*. London: Allen and Unwin
- Jasmin Badrudin et al. (2014). *Fonologi Bahasa Kantuk: Kekerabatan dan Keeratannya dengan Bahasa Iban dan dialek Melayu Semenanjung*. *Malaysian Jurnal of Society and Space* 10 issue 1 (94-100) 2014, ISSN 2180-2941.
- Kamsiah Abdullah. (2004). *Bahasa Melayu sebagai Seni dan Senjata dalam mencipta Khazanah Ilmu*. *Jurnal Bahasa*, Jilid 4 Bil.1 Mac 2004. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, Gorys. (1996). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harimurti Kridalaksana (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hood Salleh. (1976). *Morality and Restraint Among the Semelai of Malaysia*. In the Nascent Malaysia Society, H.M. Dahlan (ed.) 53-70. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Labov, William. (1990). "The intersection of sex and social class in the course of linguistic change". *Language Variation and Change* 2: 205-254.
- Gillin, John Lewis and John Philip Gillin (1948) *Cultural Sociology: A Revision of An Introduction to Sociology*. MacMillan USA
- Gramley, S. (2012). *History of English: An Introduction*. London: Routledge.
- Malaysia. (1974). *Undang-Undang Malaysia Akta 134. (Akta Orang Asli 1954 disemak 1974)*.

- Melville Jean Herskovits (1949), *Man and his works: the science of cultural anthropology*.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal dan Idris Aman. (2012). *Sikap dan Kefahaman Pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sosiolinguistik*. Gema Online. Jurnal Of Language Studies. Volume 12(4), November 2012.
- Mohammed Azlan Mis. (2010). *Lingua Franca Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa*. GEMA Online™ Journal of Language Studies. Volume 10 (2). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fauzi.M &Nor Aini.I. (2009) *Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Dilema Miskin dan Terpinggir*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Mohd Razha Rashid. (1973). *The Kentaq Bong of Tasek Ulu Perak: Tree Studies on The Orang Asli ini Ulu Perak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). “*Keusangan Bahasa Orang Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*”. Ijazah Doktor Falsafah.UKM.Bangi
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano & Kanaq*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli . Siri 1 Dwibahasa (Melayu / Negrito)*. Kuala Lumpur: JAKOA.
- Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2010). Variasi Dialek Pahang: *Keterpisahan Berasaskan Jaringan Sungai*. Jurnal Melayu (5) 2010:315-332.
- Mohd Yusof, R, dan Mohamad Nor, N.H. (2014) *Bahasa orang asli Melayu- proto: Bahasa atau dialek Melayu?* In: Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2014 (RCLK 4): Sinergi Kelestarian Dinamisme, 11-14 Oct 2014, Kuching, Sarawak.
- Nicholas, Collin. (2000). *The Orang Asli And The Contest For Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. (1968) *Penyelidikan Bahasa-bahasa Orang-Orang Asli Tanah Melayu. Dewan Bahasa. JldXII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim & Wan Malini Ahmad. (2006). *Teks Bahasa Melayu STPM*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (1998). *The ENCYCLOPEDIA of Malaysia: Early history, Volume 4*. Kuala Lumpur: Acchipelago Press.
- Nor Aina Dani (2008) Modul Pembelajaran: Kaedah Penyelidikan dalam Bahasa Melayu. Serdang: IDEAL Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nor Aina Dani et.al. (2011). *Asimiliasi bermacam Jenis Kata Melayu Pemilikan Etnik Dusun di Sabah*. Jurnal Melayu (8) 2011:67-90.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hisham Osman. (1999). *Pemeliharaan dan penyisihan bahasa: Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang-Tanjong*. Tesis PhD. Universiti Malaya

- Norizan Che Su. (2009). *Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Thesis Ph.D Universiti Putra Malaysia: Selangor.
- Noriah Mohamed (2016) *Pelestarian Turunan, Penelusuran Moyang: Pengadunan Sosiolinguistik dan Linguistik Sejarah dalam Pendokumentasian Bahasa Peribumi*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Noriah Mohamed dan Rohani Yusof (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nureeda Salaemae. (2000). *Pemilihan bahasa di kalangan wanita Melayu Petani: Satu Kajian kes di Narathiwat Thailand*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Osman Ali dan Zaleha Md. Isa. (2005). *Kehidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Osman Ali. (2005). *Orang Asli – Pengenalan dan Sejarah: Keidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Othman Lebar. (2009) *Kajian Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Orang Kentaq*. Diakses daripada [www.permataorangasli.blogspot.com](http://www.permataorangasli.blogspot.com)
- Orang Asli Kentaq. Diakses daripada <http://www.perakgis.my/jakoa/index.php/kenali-orang-asli/suku-kaum-orang-asli/kaum-Kentaq>.
- Paitoon M.Chaiyanara. (2006). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul Li Jen Kuei. (2012). *Leluhur Bahasa-bahasa Formosa Timur: Bassay, Kavalan, Amis dan Siraya*. Jurnal Trjemahan alam & Tamadun Melayu 4:1(2012) 17-23.
- Peccei, Jean Stilwell. (1999). *Language and Age. Dalam Thomas dan Shan Wareing (Eds). Language, Society and Power*. New York: Routledge.
- Pue Giok Hun & Charanjit Kaur (2014) *Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian*. Akademika (Vol 84).
- Rajeshwari Pandharipande. (2002). *Minority Matters: Issues in Minority Languages in India*, Volume.4.No.2, Internatioanal Journal on Multicultural Soccieties (IJMS).
- Ramlee Abdullah. (2008). *Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu. Orang Asli Isu. Transformasi dan Cabaran*. Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ramlee Abdullah (2007) *Agama dan Kepercayaan Orang Asli Terengganu dalam Orang Asli Terengganu: Warisan dan Pembangunan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Darul Iman.
- Rohani Mohd Yusof (2016). *Bahasa Melayu Urak Lawoi', Pulau Adang, Thailand*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ross, C. dan Wu, C.L. (1996). *Education, Age, and The Cumulative Advantage in Health*. Journal of Health and Social Behaviour, 37:104-120.
- Roshidah Hassan. (2010). *Sistem Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Tesis Ph.D Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Ross, C. dan Wu, C.L. (1996). *Education, age, and the cumulative advantage in health*. Journal of Health and Social Behaviour, 37: 104-120.
- Sa'adiah Maalip. (2011). *Sikap bahasa dan identiti: Kajian kes masyarakat Narum Sarawak*. Jurnal Melayu, 6.57-72.

- Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan bahasa: *Proses Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong*. Jurnal Melayu Jilid 12 (1).
- Sabitha Marican. (2005) *Kaedah Kajian Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson.
- Saidatul Normis Mahali. (2010) *Perbandingan Dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna Sabah*. Jurnal Melayu (5) 2010:333-374.
- Salinah Jaafar.(2007). *Kata adjektif bahasa Melayu: Analisis makna dari aspek frasalogi dan leksikologi*. Tesis Phd Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Santrol Abdullah (2016) *Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak, Malaysia*. Tesis PhD. Serdang: UPM.
- Sarjit S.Gill et al. (2008). *Pengetahuan ICT Masyarakat Orang Asli*. Dalam Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Noor Awang. (1996) *Pembangunan dan perubahan sosial: Kajian Kes di Kalangan Komuniti Jakun di Kampung Langkap dan Kampung Batu Tiga Rompin Pahang*. Tesis Master Universiti Malaya.
- Skeat & Blagden. (1906). *Pagan Races of the Malay Peninsula*. London: Mac Millan & Co.
- Suki Mee.(2009). *Orang Asli Perak: Perayaan Jis Pai dan adat Perkahwinan*. Ipoh: YOAB BHD.
- Sasse, Hans-Jürgen. (1990). *Theory of language death, and, language decay and contact-induced change: Similarities and differences*. Arbeitspapier (No. 12). Köln: Institut für Sprachwissenschaft, Universität zu Köln.
- Sulaiman Masri.(2003). *Kaedah kajian & Panduan Penulisan* (Esei, Proposal, Tesis).
- Suhaimi Safari (2012). *Kemajuan Pendidikan Pelajar Orang Asli dan Program-program Sokongan Kementerian Pelajaran Malaysia: Pendidikan dan Orang Asli Dalam Arus Perdana*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Tribus, M.(1992). *Quality first: Selected papers on quality and productivity improvement*. National Society of Professional Engineers (4 Ed.). th ASIN: B00060XP8Y
- Taylor, S.J. 1975. *Introduction to Qualitative Research Methods*. New York: Wiley
- Teuku Alamsyah et.all . *Pemilihan Bahasa Indonesia Sebagai Bahasa Pertama Anak Dalam Keluarga Masyarakat Aceh Peur Bahasa Aceh di Nanggroe Aceh Darussalam*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.
- Thomason. G, Sarah (2001) *Language Contact*. Edinburg: Edinburg University Press Ltd.
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2004) *Indeks Kognitif: Analisis Leksikal Bahasa Melayu dan Bahasa Orang Asli*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Trochim, Willam M. (2000). *The Research Methods KnowledgeBase*, 2nd Edition. Atom Dog Publishing, Cincinnati, OH
- Trudgill, P. (1986). *Dialect In Contact*. Oxford: Blackwell.
- Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics: An Introduction to Language and Society*. England: Penguin Books. Gajah Mada University Press.
- Utusan Malaysia. (2015) diakses daripada [http://www.utusan.com.my/berita/nasion\\_al/bangsa-melayu-keturunan-orang-asli-asal-1.81424#ixzz4qWwfwqMd](http://www.utusan.com.my/berita/nasion_al/bangsa-melayu-keturunan-orang-asli-asal-1.81424#ixzz4qWwfwqMd)
- Walter William Skeat & Charles Otto Blagden. (2 ed, 1966), *Pagan Races of Malay Peninsular*. London: Frank Cass & Co. Ltd.

- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar. (2011) *Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*. Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Weinreich, U. (1953). *Language in Contact: Findings and problems*. New York: Publications o Linguistic Circle of New York 1.
- William MK. Trochim & James P. Donnelly. (2006) *The Research Methods knowledge Base*. Third Edition. Atomic Dog
- Wolfram, Walter A. (1969). *A Sociolinguistic Description of Detroit Negro Speech*. Washington, D. C.: Center for Applied Linguistics.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Teoh Boon Seong (2006). *Fonologi Autosegmental Penerapannya pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2011a). *Fonologi Rangkap Vokal Dan Kepelbagaian Dialek Melayu: Analisis Teori Optimaliti*. GEMA Online™ Journal of Language Studies 5 Volume 11(3) September 2011. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Zaharani Ahmad et al. (2011b). *Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan kata Asing*. Jurnal Melayu (6) 2011: 13-27.
- Zainal Abidin Haji.Ali.(2004).*Jabatan Hal Ehwal Orang Asli: Peranan Dalam Bidang Kajian. Kertas Kerja dalam Seminar Sehari Tradisi Lisan Masyarakat Orang Asli*.Anjuran Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zainal Abidin Haji.Ali.(2008). *Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli. Orang Asli Isu. Transformasi dan Cabaran*. Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Masleh. (2011). *Kajian Etimologik terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di daerah belaga, Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah Bahasa Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Hj Ali (2012) *Penilaian Terhadap Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli 2000-2010: Pendidikan dan Orang Asli dalam Arus Perdana*. Kuala Terengganu: Penerbit UNISZA.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). *Pentafsiran data. Nota Kuliah Penelitian Kualitatif Kajian Bahasa Melayu (BBM 6402)*. Universiti Putra Malaysia.